Jilid IV
Bil. 15



Hari Khamis
I5hb Disember, 1994

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KEEMPAT

Fowth Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2043]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994) (No.2) 1994 [Ruangan 2079]
Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Keretapi Tanah Melayu (Pembubaran) 1994 [Ruangan 2088]
Rang Undang-undang Koperasi Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) (Pindaan) [Ruangan 2093]
Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) (Pindaan) 1994 [Ruangan 2111]
Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Pindaan) 1994 [Ruangan 2125]
Rang Undang-undang Probet dan Pentadbiran (Pindaan) 1994 [Ruangan 2138]
Rang Undang-undang Perbadanan Amanah Raya 1994 [Ruangan 2142]

PNMB
DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
1999

MALAYSIA

PARLIMEN KELAPAN—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHU-AHLI DEWAN NEGARA

„ Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' G. VADIVELOO A/L GOYINDASAMY, P.S.M., D.P.M.S., .S.M.S., A.M.N. (Dilantik).

„ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN MUSA, SJ.M.P. (Dilantik).

„ „ Tuan Timbalan Yang di-Pertua, DATO' ADAM BIN KADIR, D.I.M.P. (Dilantik).

„ „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Dilantik).

„ „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATUK DR. JEFFREY G. KITINGAN, P.G.D.K. (Dilantik).

„ „ Seliausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DR. SAK CHENG LUM (Dilantik).

„ TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., PJ.K., P.J.M. (Pulau Pinang).

„ „ TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG, A.M.N. (Dilanlik).

„ „ TUAN MICHAEL BONG TRIAM JOON, A.B.s., J.B.S. (Dilantik).

„ „ PUAN HAJAH CHE PORA BINTI HAJI OMAR, A.M.N., P.J.N., PJ.K. (Dilantik).

„ „ TUAN CHONG CHI SIONG @ CHONG FAH (Negeri Sembilan).

„ „ TUAN CHONG KAH KIAT (Dilantik).

„ „ TUAN FRANKIE CHONG YU CHEE, A.D.K. (Sabah).

„ „ TUAN FU AH KIOW (Dilantik).

„ TUAN DING SELING (Dilantik).

„ TUAN HAJI DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., JP. (Melaka).

„ „ TUAN GHAZALI BIN HAJI EMBONG, P.J.K. (Dilantik).

„ „ PUAN HAJAH HABSHAH BINTI HAJI OSMAN, P.P.T., P.J.K. (Dilantik—Wilayah Persekutuan).

„ „ WAN HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOIIAMAD, A.B.S. (Sarawak).

Yang Berhormat TUAN HAMPAH BW AHMAD, P.J.K. (Perlis).

„ TUAN IBRAHIM BIN DAUD, J.S.M., K.M.N., P.L.P., PJ.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor).

„ TUAN ISU BIN HAJI SIPUT (Dilantik—Wilayah Persekutuan Labuan).

„ TUAN ITAM WAU BIN NAWAN, P.P.N. (Dilaniik).

„ TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., JC. (Negeri Sembilan).

„ TUAN JANGGU ANAK BANYANG, P.B.K. (Sarawak).

„ TUAN JOHAN B.O.T. GHANI @ CHRISTOPHER, K.M.N. (Dilantik).

„ PUAN KALTHOM BINTI HAJI OTHMAN (Kelantan).

„ PUAN KELSOM BINTI YAACUB, A.M.P., P.J.K. (Pahang).

„ PUAN KIAN SRR HAR, PJ.K. A.M.N., J.P. (Melaka).

„ TUAN LIMUN LAIKIM (Sabah).

„ TUAN LOW KAI MENG, PJ.K., J.P. (Perak).

„ PUAN MASTIKA JUNAIDAH BINTI HUSIN (Dilamik).

„ DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Dilantik).

„ DATO' MOHD. RADZI BIN MANAN, D.P.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).

„ TUAN MOHD. ZAIN BIN HAJI MAT DAUD (Kelantan).

„ TUAN NG SEE TIONG, A.M.N PJ.S., P.K. (Johor).

„ DATO' (IR.) NG THIAN HOCK, D.S.S.A, S.M.S., P.J.K, JP. (Dilanlik).

„ DR. NG YEN YEN, PJ.K. (Pahang).

„ TUAN HAJI OTHMAN BIN YUNOS, K.M.N., P.J.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik).

„ PUAN HAJAH RAHAIAH BINTI BAHERAN, P.J.K. (Dilantik).

„ TUAN RAHIM BIN BABA, A.M.P. (Dilantik).

„ PUAN HAJAH RAHMAH BINTI SALLEH, P.J.K. (Terengganu).

„ TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).

„ TUAN HAJI SALLEH @ HASSAN BIN ALI, P.J.K. (Terengganu).

„ PUAN SRI SARASA PASAMANICKAM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).

„ TUAN V. SARAVANAN A/L VELIAUDAYAR (Dilantik).

„ PUAN HAJAH SELEMIAH BINTI HASHIM (Dilantik).

„ DATO' SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN, D.I.M.P., P.K.T. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., PJ.K. (Kedah).

„ DATO' SOONG SIEW HOONG, S.M.S., K.M.N., D.P.M.S., J.S.M. (Dilanlik).

„ TUAN TAN SON LEE (Kedah).

„ DATO' V.K.K. TEAGARAJAN, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik).

„ TUAN TIONG THAI KING., (Dilantik).

,, DR. TOH KIN WOON, P.K.T. (Pulau Pinang).

„ DATUK K. VIJAYANATHAN A/L KESAVA PELLU, D.J.N., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).

,, DATIN HAJAH WAN INTAN BINTI HAJI WAN AHMAD TAJUDDIN, P.J.K., A.M.S. (Dilantik).

„ DATUK DAVID YEOH ENG HOCK, D.M.S.M. (Dilantik).

„ TUAN HAJI ZAINAL BIN MD. DEROS, S.S.A, P.J.K., J.P. (Selangor).

„ DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHASI, D.S.D.K., K.M.M., P.P.N., B.K.M, P.J.K., J.P.(Dilantik).

„ PUAN HAJAH ZALEHA BINTI HUSSIN (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar, K.M.N.
Penolong Setiausaha Kanan: Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penolong Penyunting: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop.

Pelapor Perbahasan Kanan: Haji Suhor bin Husin.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Su Soon Chuan.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis,15hb Disember, 1994

Mesyuarat dimulakan pada pukul 230 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

MASALAH ANTARABANGSA—PERANAN DAN TINDAKAN KERAJAAN

1. **Puan Hajah Habshah binti Haji Osman** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

(a) langkah-langkah positif dah segi diplomatik _untuk mengatasi masalah kehadiran pembantu rumah Filipina yang sering diberkas oleh pihak berkuasa sehinggatindakaniniditeguroleh Presiden Fidel Ramos, Filipina sendiri tersalah anggap atau mempunyai tafsiran sendiri;

(b) tindakankerajaanuntukmengatasi masalah smear campaign oleh media massa Australia yang melibatkan pemimpin-pemimpin pembangkang Malaysia; dan

(c) apakah langkah-Iangkah positif kerajaan untuk membantu syarikat-syarikat Malaysia yang terlibat di Papua New Guinea dan Solomon Islands yang telah dikecam oleh media massa Australia.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini kalaudilihatbenar-benarmerupakantiga soalan yang berasingan dan tentulah agak panjang sedikit jawapannya.

(a) IngindimaklumkankepadaDewan yang mulia ini bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak berkuasa kita mengenai pembantu-pembantu rumah Filipina di Malaysia adalah berkaitan dengan mereka melanggar peraturan-peraturan dan Undang-undang Imigresen terutama sekali lari dah majikan asal dan menukar majtkan tanpa kebenaran pihak berkuasa Malaysia yang berkenaan. Sambil itu ada juga kes-kes yang dilaporkan mengenai beberapa majikan yang mendera pembantu-pembantu rumah Filipina ini. Beberapa langkah diplomatik telah diambil bagi menangani masalah-masalah berkenaan. lanya adalah seperti berikut

(i) mengadakan mesyuarat serta dialog dengan Kedutaan Filipina di Malaysia untuk menjelaskan kepada Kerajaan Pilipina mengenai dasar Malaysia terhadap pekerja asing, hal-hal kebajikan,gaji dan saluran-saluran yang wujud bagi pekerja-pekerja asing menyuarakan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka.Kerjasama yang rapat juga telah diadakan dengan Kedutaan Pilipina bagi

mengendalikan penghantaran balik warganegara-warganegara Filipina yang didapati melanggar Undang-undang Imigresen Malaysia;

(ii) KedutaanMalaysiadiManila juga turut memberi penjelasan kepada kerajaan, ahli-ahli politik dan media di Filipina untuk menyangkal tuduhan-tuduhan bahawa tindakan pihak berkuasa Malaysia adalah berdiskriminasi terhadap pekerja-pekerja asing Filipina;

(iii) Kedutaan Malaysia di Manila sentiasa mengawal pengeluaran visa kepada warganegara Filipina yang memohon untuk ke Malaysia bagi tujuan bekerja. Hanya mereka yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja yang diberikan visa berkenaan. Ini dapat mengelakkan mereka yang tidak layak daripada memasuki Malaysia untuk bekerja secara haram;

(iv) masalah-masalah berkaitan dengan pekerja-pekerja asing Filipina ini serta usaha-usaha untuk mengatasinya telah juga dibincang secara terperinci di bawah forum Suruhanjaya Bersama Malaysia-Filipina yang bermesyuarat setahun sekali.

Kementerian ini percaya langkah-langkah seperti di atas akan menyumbang ke arah mengurangkan masalah berkaitan pekerja asing dari Filipina serta membendung tafsiran-tafsiran negatif oleh media Filipina mengenai setiap operasi pemberkasan yang melibatkan warganegara Filipina.

(b) Kerajaan Malaysia sentiasa peka dan mengawasi perkembangan tentang smear campaign, dengan izin, yang dibuat oleh media massa Australia khususnya yang melibatkan pemimpin-pemimpin Pembangkang Malaysia. Kerajaan dari masa ke semasa. sentiasa memberi penerangan secara objektif kepada pihak media massa Australia agar tidak mudah diperalatkan oleh pihak Pembangkang di negara ini yang boleh menjejaskan hubungan dua-hala antara Malaysia dengan Australia.

(c) Sehingga kini kerajaan tidak pernah mendapat bantahan secara rasmi daripada Kerajaan Papua New Guinea mahu pun Kerajaan Solomon Islands terhadap penglibatan syarikat-syarikat Malaysia yang menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi di kedua-dua negara tersebut. Malahan kedua-dua buah negara berkenaan menyambut baik penglibatan syarikat-syarikat Malaysia bagi mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi di negara-negara tersebut Oleh yang demikian segala kecaman dan tohmahan yang dibuat oleh media massa Australia terhadap syarikat-syarikat Malaysia adalah tidak berasas sama sekali. Kerajaan Malaysia juga sentiasa memberikan/galakan kepada syarikat-syarikat Malaysia untuk melabur di Papua New Guinea dan Kepulauan Solomon di samping menasihati syarikat-syarikat tersebut supaya mematuhi segala peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan di negara-negara yang mereka melabur demi menjaga imej Malaysia.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai soalan

tambahan yang ada kaitan dengan soalan *(b)* iaitu mengenai kegiatan pemimpin-pemimpin Pembangkang yang memburukkan negara Malaysia di luar negara. Soal ini telah pun lama berlarutan dan banyak kali amaran-amaran telah pun diberikan oleh pihak kerajaan tetapi ianya terus juga berlaku.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa pasport aniarabangsa seseorang itu adalah satu keistimewaan dan bukannya sebagai satu hak. Adakah Yang Berhormat setuju, sebagai langkah untuk mengingatkan pemimpin-pem impin Pembangkang ini, jika mereka terlibat dengan kegiatan untuk memburukkan negara di luar negara kita, paspbrt antarabangsa mereka ini ditahan untuk seketika, umpamanya untuk setahun ataupun dua tahun supaya tidak membolehkan mereka ini untuk pergi ke luar negara memburukkan negara ini?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat itu boleh dan mudah dilaksanakan. Tetapi dasar kerajaan kita adalah merupakan dasar yang agak terbuka, bebas dan cukup sporting. Dah segi kita tidak suka"menekan, menindas ataupun menyekat kebebasan rakyat kita bersuara dan kita melaksanakan dasar demokratik yang sebenarnya. Maka walaupun mereka masih terus memburukkan imej Malaysia di luar negara tetapi kita yakin dengan begitu ramai orang luar datang melancong dan melawat ke Malaysia dan dengan track record Malaysia sendiri yang tidak boleh diputar-belitkan oleh Pembangkang, maka walaupun mereka mentohmahkan berbagai-bagai terhadap Malaysia, pada pendapat kita tidak ramai orang luar yang percaya ataupun terpengaruh dengan dakyah-dakyah dan tohmah-tohmah yang karut yang dilemparkan oleh parti Pembangkang. Maka dengan kita bersikap begitu bebas, imej dan martabat negara dan kerajaan kita lebih meningkat dan lebih tinggi dan mulia lagi.

SEKOLAH LUAR BANDAR—KEKURANGAN KEMUDAHAN PEMBELAJARAN

2. Tuan Abdul Rashid bin lsmail minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kementerian sedar bahawa masih banyak terdapat kekurangan kemudahan pembelajaran di sekolah luarbandar yang boleh menjejaskan prestasi mereka dalam peperiksaan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa memberi perhatian kepada kemudahan pelajaran di sekolah-sekolah di luar bandar. Selain daripada pembinaan sekolah-sekolah baru bagi menampung keperluan persekolahan dan pembinaan bilik-bilik darjah tambahan, kementerian juga menyediakan kemudahan peralatan pengajarah yang sama di antara sekolah bandar dan luar bandar.

Walau bagaimanapun, penyediaan kem udahan-kemudahan pembelajaran di sekolah-sekolah adalab tertakluk kepada peruntukan yang mencukupi.

Datin Hajah Wan Intan bin Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya berkaitan dengan hal sekolah di luar bandar di mana didapati disebabkan pembekalan pelajar-pelajar itu tidak lengkap, banyak sekolah rendah yang pelajarannya mundur kebelakang, tak usahkan hendak dapat 4A, hendak dapat 1A atau 2A pun susah. Jadi, anak-anak ini manakala naik ke tingkatan menengah bagaimanalah pula di sekolah menengah mereka hendak mempertahankan kedudukan markahnya dengan begitu cemerlang sekali, susah hendak dapat kalau di sekolah bandar.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedia menerima bahawa kita masih berusaha untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan tetapi izinkan saya menafikan di sini

bahawa peluang untuk anak-anak kita di luar bandar mencapai 4A itu tidaklah sama sekali mustahil atau tidak dapat kerana dalam keputusan kita semenjak kebelakangan ini menunjukkan pertambahan pencapaian-pencapaian di sekolah luar bandar dan seterusnya juga menerusi program-program di mana kita terus memberi bimbingan dan sokongan menerusi sekolah angkat dan memberi kemudahan-kemudahan yang sama dari segi buku-buku teks yang diwajibkan dan juga memberi kursus dalam perkhidmatan kepada guru-guru kita di luar bandar dan juga memberi dorongan menerusi program-program motivasi di kawasan-kawasan sekolah yang memerlukan peningkatan motivasinya dan juga pendekatan-pendekatan yang khas untuk keadaan tempatan.

PENSWASTAAN ANAK **SYARIKAT MARA—UNTUNG/ RUGI**

3. Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

(a) berapa banyakkah anak syarikat MARA yang telah diswastakan;

(b) berapa syarikat yang rugi diswastakan; dan

(c) berapa syarikat yang untung diswastakan.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr. Siti Zabarah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Sehingga kini sebanyak dua kumpulan anak syarikat MARA yang telah diswastakan iaitu KK Properties Sdn.Bhd. dijual pada 1.8.1991 dan Lori Malaysia Berhad dijual pada 1.12.1989.

(b) Dijangka bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam, jumlah anak syarikat MARA yang rugi diswastakan ialah dua.

(c) Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Keenam, tiada anak syarikat MARA yang untung diswastakan.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soal penswastaan ini biasanya dilakukan secara Management-Buy-Out (MBO) ataupun dijual secara outright. Dan biasanya mereka ini setelah dijual oleh pihak kerajaan menjualkannya pula kepada pihak-pihak tenentu dengan keuntungan yang berlipat kali ganda. Jadi, adakah kementerian bercadang supaya menetapkan satu tarikh tertentu sebelum syarikat-syarikat ini dibenarkan dijualkan kepada pihak-pihak yang lain. Kerana ini menimbulkan rasa kurang puas hati kepada rakyat jelata kerana syarikat-syarikat MARA ini adalah sebagai satu syarikat amanah untuk orang-orang Melayu, bukannya untuk segelintir sahaja orang-orang Melayu yang mendapat keuntungan. Adakah kerajaan bercadang untukmenentukantarikh-tarikhtertentu sebelum mereka ini dibenarkan menjualkan syarikat ini kepada pihak-pihak yang lain?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan yang di-Pertua, bagi projek ataupun anak-anak syarikat yang telahpun diswastakan tidaklah boleh dikenakan sekatan seperti ini. Tetapi bagi projek penswastaan yang baru pihak EPU telah pun mengenakan garis panduan baru iaitu setiap projek penswastaan tidaklah boleh dijualkan kecuali mengikut syarat-syarat tertentu yang telah ditetapkan.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri sama ada ini masalah pentadbiran ataupun masalah cara pentadbiran? Kenapa yang rugi sahaja yang dijual, yang untung tidak dijual? Dan adakah yang rugi dijual ini tak tahu mentadbir ataupun yang untung ini pegawainya berlainan di antara satu dengan yang lain ataupun penjagaannya tidak sama rata maka ada yang rugi dijual

ataupun ia mempunyai satu syahkatyang dipegang oleh lain-lain pihak yang berkenaan?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, salah satu pendekatan penswastaan ialah untuk mengelakkan pembaziran berlaku dalam sektor kerajaan dan tujuannyaadalah untuk membolehkan aset-aset ini digunakan dengan lebih baik oleh pihak pengurusan yang lebih cekap yang mendatangkan proposal yang baik. Jadi, sebab itulah bagi syarikat-syarikat yang rugi pihak kerajaan tidak ada apa-apa halangan malah menunggu sesiapa yang hendak membuat tawaran kerana yakin bahawa apabila mereka membuat proposal ataupun cadangan itu mestilah berasaskan kepada cara atau strategi yang digunakan oleh mereka ini.

Dari segi pihak kerajaan, seperti yang kita sedia maklum, bagi anak-anak syarikat yang tidak berprestasi memanglah telah dikeluarkan arahan untuk sama ada ditutup ataupun dijual ataupun diberi tawaran kepada mana-mana pihak. Tetapi bagi yang untung, sesiapapun tak mahu menjualkannya, Yang Berhormat. Jadi, termasuk juga agensi kerajaan kalau yang untung itu akan mendatangkan pulangan yang baik, agak sukarlah bagi kita hendak melepaskannya.

Dato' Mohd. Radzi bin Manan: Tuan Yang di-Penua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya tidakkah ada dasar langsung bagi MARA untuk melepaskan syarikat-syahkat yang untung ini kepada bumiputera-bumiputera oleh sebab setahu saya, syarikat-syarikat ini diadakan, diperniagakan, diuntungkan supaya pada satu masakelak diberi kepada bumiputera-bumiputera yang ada kepandaian dalam bidang yang sama. Kalau setakat MARA hendak memegang semua ini, sampai bila? Adakah perniagaan-perniagaan ini hendak dikekalkan dalam MAR A semata-mata supaya pegawai-pegawai MARA sibukbegitu sahaja? Setengahnya itu saya tahu untungnya tidak banyak RM100,000, RM50,000 setahun tetapi yang sibuknya ialah pegawai MARA, yang lain tidak ada. Dengan izin, so it is just maintained for their own end, that is all.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Sebenarnya untuk melaksanakan pens wastaan ini peraturan-peraturan telah pun ditetapkan oleh kementerian iaitu dengan cara mengadakan jawatankuasa khas penswastaan yang akan menimbangkan keperluan serta bentuk penswastaan yang boleh menguntungkan semuapihak. Jadi.kita juga tidak menolak kemungkinan untuk menswastakan bagi projek-projek yang menguntungkan. Jawatankuasa khas ini akan membuat perakuan kepada pihak EPU bagi membuat kepmusan-keputusan muktamad ke atas mana-mana syarikat ataupun projek di bawah agensi kementerian, tidak semestinya di bawah agensi MARA.

UNIVERSITI SWASTA—PENUBUHAN

4. Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajudin minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada usaha untuk mewujudkan universiti swasta di rantau ini dengan mengadakan Rang Undang-undang Universiti Swasta dan jika tidak adakah kememerian akan teras menghantarpelajar-pelajarkitamenuntut di luar negara supaya mendapat pengalaman dari belajar di seberang laut.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha Kementerian Pendidikan untuk mengadakan Rang Undang-undang Universiti Swasta ini adalah bagi kita membolehkan universiti swasta ditubuhkan di negara kita ini memandangkan Akta Universiti dan Kolej Universiti yang berkuatkuasa pada masa ini tidak membenarkan penubuhan universiti swasta.

Dengan penubuhan universiti-universiti swasta ini tidak bermakna bahawa kerajaan akan menghentikan penghantaran pelajar kita ke luar negeri. Penghantaran pelajar kita ke luar negeri

masih diteruskan, khasnya dalam bidang pengajian yang khusus, terutamanya dalam bidang sains dan teknologi.

KEMALANGAN DI SEKTORINDUSTRI— JUMLAH/KATEGORI

5. Dr. Ng Yen Yen minta Menteri Sumber Manusia menyatakan jumlah kemalangan di tempat kerja bagi tahun-tahun 1991 hingga 1994 di seluruh negara mengikut kategori industri seperti industri pembinaan, perkilangan, perladangan dan perkhidmatan. Adakah bilangan kemalangan ini di tahap yang serius dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengatasi kemalangan di tempat kerja.

20.72.94

40: Tuan Haji Zainal bin Md. Deros minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

(a) usaha-usaha untuk keselamatan sektor industri di negara- ini disebabkan berlakunya kemalangan semasa menjalankan tugas yang juga menjejaskan produktiviti sektor perindustrian;

(b) berapakah jumlah kemalangan di sektor industri pada tahun 1990 hingga 1993; dan

(c) berapakah kerugian akibat kemerosotan produktiviti akibat kemalangan di sektor industri bagi tahun 1990 hingga 1993.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon menjawab soalan ini bersekali dengan soalan dari Yang Berhormat Tuan Haji Zainal bin Md. Deros bertarikh 20hb Disember tahun ini kerana ianya berkaitan dengan perkara yang sama.

Oleh kerana jawapan ini agak panjang dan mengambil banyak perangkaan, maka saya juga memohon untuk menjawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehlah.

PEMINDAHAN TEKNOLOGI DARI NEGARA JEPUN

6. Tuan Michael Bon Thiam Joon minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada pemindahan teknologi daripada pihak Jepun kepada negara ini hasil daripada pelaburan modal yang banyak di sektorperindustrian negara ini, dan jika belum lagi, adakah kerajaan bercadang untuk mendesak pihak Jepun mempercepatkan lagi pemindahan teknologi kepada rakyat Malaysia.

28.12.94

41. Datuk David Yeob Eng Hock minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada pelabur-pelabur dari negara Jepun telah menghasilkan pertukaran teknologi kepada rakyat Malaysia yang bekerja di kilang-kilang yang dikuasai modalnya oleh pelabur-pelabur Jepun, dan jika tidak, apakah tindakan kementerian untuk mempastikan penguasaan teknologi berlaku supaya ini dapat menguntungkan negara Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Datuk S.S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan dari Yang Berhormat Dato' David Yeoh Eng Hock pada 28.12.94.

Proses pemindahan teknologi adalah merupakan satu perkara yang kompleks, namun demikian tidak dapat dinafikan bahawa pemindahan teknologi oleh syarikat-syarikat multinational asing kepada orang-orang tempatan telah pun berlaku walaupun tahap pemindahan teknologi ini adalah sukar ditentukan.

Walaupun jumlah pelaburan negara Jepun begitu besar di negara ini, namun dari pemerhatian kerajaan, didapati usaha-usaha pemindahan teknologi oleh syarikat-syarikat Jepun pada umumnya agak perlahan berbanding dengan syarikat-syarikat asing yang lain dan sebahagian besar pemindahan teknologinya adalah di dalam aspek-aspek teknologi pengeluaran. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk melihat pemindahan teknologi berlaku dengan pesat, terutama dalam aspek-aspek teknologi yang lebih maju, seperti, .dengan izin, 'design engineering' dan 'consultancy tecnnology'.

Kerajaan menyedari hakikat bahawa kejayaan pemindahan teknologi adalah banyak bergantung kepada keupayaan dan kebolehan rakyat tempatan sendih untuk menyerap dan menguasai teknologi yang dipindahkan oleh syarikat-syarikat asing termasuk syarikat-syarikat dari Jepun. Sehubungan dengan ini, kerajaan telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

(i) menggalakkan rakyat tempatan mempelajan bahasa Jepun dan menghantar guna tenaga tempatan ke-Jepun bagi mengikuti latihan pengunisan dah teknikal;

(ii) menyediakan galakan cukai dan bantuan kewangan untuk mempertingkatkan aktiviti latihan oleh syarikat-syarikat asing dan tempatan, ini termasuk memberikan galakan potongan dua kali bagi latihan dan menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia bagi memberikan bantuan kewangan untuk membiayai sebahagian kos latihan yang dibelanjakan oleh syarikat-syarikat perkilangan;

(iii) menetapkan syarac supaya perjanjian-perjanjian pemindahan teknologi dibuat untuk tempoh 5 tahun dan akan diperbaharui jika terdapat permohonan. Ini mempakan satu mekanisme untuk memastikan pemindahan teknologi berlaku di bawah perjanjian-perjanjian pemindahan teknologi yang dimeterai di antara syarikat-syarikat asing dan syarikat-syarikat tempatan;

(iv) mengadakan beberapa siri dialog dari masa ke semasa seperti dialog MITI Malaysia dan MITI Jepun, dialog di antara Japan-Malaysia Economic Association (JAMECA) dengan Malaysia-Japan Economic Association (MAJECA) bagi membincangkan dan menyelesaikan isu-isu berkaitan pemindahan teknologi dan lain-lain isu yang melibatkan kepentingan bersama.

Walaupun berbagai usaha dijalankan bagi menentukan pemindahan teknologi berlaku, namun pemindahan teknologi dari syarikat-syarikat asing kepada syarikat-syarikat tempatan sebenarnya tidak dapat dilakukan dengan paksaan. Syarikat-syarikat tempatan seharusnya bijak menyusun suategi dan teknik tertentu untuk mendapatkan teknologi dari syarikat-syarikat negara Jepun dan lain-lain negara.

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian mengatakan bahawa dari segi pemindahan teknologi dari syarikat-syarikat asing ke syarikat-syarikat tempatan ataupun pekerja-pekerja tempatan, memang ada perbezaan antara syarikat-syarikat Jepun dengan syarikat-syarikat lain, iaitu pemindahan teknologi dari syarikat-syarikat Jepun berbanding dengan syarikat-syarikat lain seperti Amerika, lebih perlahan. Apakah sebab-sebabnya yang membawa kepada adanya perbezaan-perbezaan ini?

Dato' S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, satu masalah yang utama ialah berhubung dengan bahasa Jepun di mana rakyat negara kita masih tidak begitu

fasih dengan bahasa Jepun dan ini memberi satu masalah kepada mereka untuk memindahkan teknologi mereka kepada kita.

Selain dari itu adalah masalah-masalah pedalaman dalam syarikat di mana pengurusan syarikat-syarikat berkenaan yang masih enggan untuk memindahkan pengurusan mereka kepada orang-orang tempatan dan ini juga adalah menjadi satu masalah di dalam pemindahan teknologi.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah pun mengakui bahawa pemindahan teknologi adalah satu perkara yang kompleks dan komplikated. Terdapat juga di mana pemindahan teknologi dahpada negara Jepun amat perlahan kalau dibandingkan dengan pelabur-pelabur daripada negara-negara lain. Adakah kementerian sedar bahawa terdapat teknologi-teknologi yang dipindahkan khasnya daripada negara Jepun kepada Malaysia kemungkinannya terdapat teknologi-teknologi yang telah pun usang (out-dated), jadi, apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh kementenan untuk memastikan supaya teknologi-teknologi yang terkini (current) dipindahkan ke negara ini?

Dato' S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebenamya kita menyedari masalah yang telah pun disentuh oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Tetapi untuk menentukan apakah teknologi dan cara mana kita boleh memindahkan teknologi kepada warganegara kita, adalah satu perkara yang amat kompleks dan kita masih sedang mengkaji sebagaimana kita boleh mendapat satu cara yang baik untuk memperjuangkan pemindahan teknologi dari negara Jepun ke negara Malaysia dengan maju dan juga akan memberi manfaat kepada negara kita.

BANK OF CHINA—PEMBUKAAN CAWANGAN

7. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kerajaan bersetuju pembukaan cawangan Bank of China di negara ini dan jika tidak, apakah sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, pada 16 Mac 1969 pihak kerajaan telah menutup cawangan Bank of China di negara kita. Tindakan ini adalah selaras dengan dasar kerajaan ketika itu. Pada 4 Oktober 1992, pihak Bank of China telah memohon untuk membuka semula cawangannya di Malaysia dan sejak dari tarikh tersebut perkara ini dibangkitkan dari semasa ke semasa oleh pihak bank berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia sedang mengkaji aspek perundangan dan pentadbiran berkaitan dengan cadangan kemasukan Bank of China ke negara kita. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, mengikut Akta Bank dan Institusi Kewangan (BAFIA) 1989, sesebuah pemiagaan bank itu hanya boleh dijalankan oleh sebuah syarikat awatn yang diperbadankan di Malaysia. Dengan peruntukan undang-undang yang sedia ada itu, kajian terperinci perlu dibuat mengenai permohonan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kian Sit Har.

(Soalan No. 8-YM. Puan Kian Sit Har tidak hadir).

PEMELIHARAAN ANJING MERBAHAYA—PEMBERIAN LESEN

9. Tuan Limun Laikim minta Menteri Pertanian menyatakan samaadakerajaan meneruskan pemberian lesen untuk memeliharaanjing-anjing yang merbahaya seperti Rottweiller akan diteruskan dan

adakah peristiwa kematian Puan Neoh Kim Lean tidak mencukupi untuk kerajaan membatalkan lesen-lesen pembelaan anjing-anjing yang garang dan merbahaya itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk menyekat pemberian lesen untuk memelihara anjing-anjing berdasarkan tabiat atau baka. Walau bagaimanapun, kerajaan secara pentadbiran telah mengarahkan supaya anjing baka 'Pitbull Terrier' yangterkenal garangnya tidak dibenarkan di bawa masuk ke negara ini.

TIMBALAN PENGARAH PERUBATAN—PENEMPATAN DI PERINGKAT DAERAH

10. Tuan Haji Othman bin Yunos minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah kementeriannya bercadang menempatkan Timbalan Pengarah Perubatan di setiap daerah. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah terlibat dengan penyusunan semula organisasi dari peringkat ibu pejabat kementerian sehinggalah ke peringkat daerah.

Pada umumnya, organisasi Perkhidmatan Perubatan di peringkat daerah ialah diketuai oleh Pengarah Hospital di hospital dan Pegawai Kesihatan di Pejabat Kesihatan di daerah-daerah yang berkenaan.Dengan yang demikian, pada masa ini tidak perlu lagi di wujudkan jawatan Timbalan Pengarah Perubatan di peringkat daerah kerana pada masa ini jawatan Pengarah Perubatan telah diwujudkan diperingkat Pejabat Kesihatan Negeri. Struktur yang sedia ada sekarang telah berjalan dengan baik.

MAHKAMAH SYARIAH DAN HAKIM—MENINGKATKAN STATUS

11. Tuan Hanipah bin Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan mahkamah syariah melaksanakan hukum hakam berkaitan undang-undang syarak yang lebih utamakan kepada keadilan tidak kepada kezaliman. Apakah langkah- langkah yang sudah dan akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan ke arah meningkatkan status mahkamah syariah dan hakim-hakim yang bersesuaian kepada masyarakat majmuk bagi dihormati dan disanjung tinggi, kemudian dikanunkan ke dalam undang-undang negara,

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan ke arah meningkatkan status Mahkamah Syariah dan hakim-hakim adalah seperti berikut:

Sebuah jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Tan Sri Ketua Setiausaha Negara telah membincangkan mengenai upgrading, pertambahan jawatan pegawai dan kakitangan Mahkamah Syariah di semua negeri di seluruh Malaysia. Ini termasuklah menyusun semula struktur organisasi mahkamah selaras dengan usaha untuk menaikkan status Hakim-hakim Mahkamah Syariah.Untuk meningkatkan status Mahkamah Syariah, maka kerajaan negeri telah berusaha untuk memisahkan Mahkamah Syariah dengan Jabatan Agama Islam.

Beberapa buah negeri telah melaksanakan pemisahan ini dan negeri-negeri yang lain sedang berusaha ke arah itu. Untuk itu, kerajaan negeri telah berusaha mengemukakan struktur organisasinya kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dengan memohon pertambahan jawatan dan upgrading kepada Skim Pegawai Syahah yang akan

menjawat jawatan sebagai Pendaftar, Ketua Pendaftar, Hakim Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan. Selaras dengan itu juga, hakim-hakim yang sedang berkhidmat dihantar berkursus di Universiti islam Antarabangsa bagi memantapkan profesion mereka.

Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelaras Undang-undang Sivil dan Syarak dengan mengambil beberapa langkah iaitu menyemak undang-undang yang sedia ada untuk diselaraskan di negeri-negeri dan mencadangkan beberapa pindaan serta pengubahsuaian kepada undang-undang tersebut supaya dapat diterima pakai dan dilaksanakan demi menaikkan taraf mahkamah.Kerajaan sekarang sedang bemsaha merangka Akta Saraan Hakim Mahkamah Syariah.

KES AMUK DI KALANGAN ANGGOTA TENTERA— PENDEKATAN PSIKOLOGI

11. Datuk David Yeoh Eng Hock minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada berlakunya kes-kes mengamuk di antara anggota-anggota Angkatan Tentera dan jika ada, adakah dilakukan cara pendekatan psikologi untuk mengelakkan dari berlakunya sebarang kemalangan yang akan menggunakan senjata.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada rekod-rekod kesalahan di dalam Angkatan Tentera, didapati ATM tidak pernah menghadapi kes amuk di kalangan anggotanya setakat ini. Namun demikian, ATM senantiasa berusaha mengambil tindakan perlu untuk mencegah perkara-perkara tersebut dari berlaku.

Pendekatan psikologi telah diambil khasnya dalam bentuk kaunseling supaya masalah-masalah yang dihadapi oleh anggota tentera dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin. Cara ini akan dapat melahirkan anggota tentera yang berdisiplin, berdedikasi dan taat setia.

PEMANDU MABUK—JUMLAH TANGKAPAN

13. Puan Sri Sarasa Pasamanickam minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa orangkah pemandu-pemandu yang telah ditangkap kerana memandu dalam keadaan mabuk sepanjang tahun ini.

Datuk Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang mengenai larangan memandu di bawah pengaruh alkohol belutn lagi dikuatkuasakah: Dengan demikian, setakat ini tiada siapa pun ditangkap di bawah perundangan ini.

Puan Sri Sarasa Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.Bilakah undang-undang ini akan dikuatkuasakan?

Datuk Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kerajaan sedang menjalankan kempen melalui akhbar dan juga media elektronik. Selepas tempoh kempen ini selesai, tindakan penguatkuasaan undang-undang akan dijalankan,

Dato' Mohd. Radzi bin Manan: Tuan Yang di-Pertua, kaiau tidak ada undang-undang uhtuk menangkap mereka yang memandu dengan mabuk, tidakkah boleh mereka ini ditangkap di bawah kesalahan memandu dengan merbahaya, dangerous driving, dengan izin.

Datuk Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yangdi-Pertua, boleh.bukan sahaja setakat kesalahan yang kita bicarakan sekarang ini di bawah pengaruh alkohol. Jadi, kalau pemandu yang berkenaan

melakukan kesalahan di bawah Ordinan Lalu-Lintas, dia akan didakwa mengikut undang-undang yang ada.

INDUSTRI PERABOT KAYU GETAH—LANGKAH GALAKAN

14. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

(a) caranya untuk menggalakkan industri perabot kayu getah untuk eksport; dan

(b) bagaimana caranya untuk menggalakkan pekebun kecil menanam semula pokok getah supaya bekalan bahan mentah ini tidak menimbul kekurangan pada masa akan datang.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak Kementerian Perusahaan Utama.

(a) Beberapa langkah telah diambil bagi menggalakkan pertumbuhan industri perabot kayu getah di negara kita cermasuk eksport-nya. Hasil usaha-usaha ini, induslri perabot kayu getah mengalami pertumbuhan yang pesat sejak tahun 1990 dengan menunjukkan pertumbuhan eksport melebihi 50% setahun. Antara langkah-langkah yang telah diambil tennasuklah:

(i) promosi perabot kayu getah ke pasaran antarabangsa dengan menyertai pameran perabot yang terkemuka di peringkat antarabangsa;

(ii) mengawal eksport kayu gergaji getah;

(iii) penekanan kepada peng-hasilan perabot yang bermutu tinggi dan mengikut spesi-fikasi yang telah ditetapkan oleh pembeli;

(iv) mengadakan latihan dalam bidang proses kayu getah; dan

(v) menyediakan insentif kepada industri perabot kayu getah di bawah Akta Galakan Pelaburan 1986. Antaranya termasuklah Kelayakan Taraf Perintis, Elaun Cukai Pelaburan, Elaun Penyelarasan Perindusthan, Tabung Penyelarasan Perindustrian, Elaun Pelaburan Semula dan Kemudahan 'Export Credit Refinancing'.

(b) (i) Aktiviti menanam semula getah pekebun kecil telah dilaksanakan melalui RISDA. Walau bagaimanapun, Kementerian Utama melalui Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) bertanggungjawab menghasilkan teknologi penanaman getah yang boleh menjadikan aktiviti ini lebih menarik dan memberi pendapatan yang baik. Teknologi ini dipindahkan kepada agensi pelaksana seperti RISDA, FELCRA, FELDA dan agensi ini seterusnya pula akan memindahkan teknologi ini kepada pekebun-pekebun kecil. Daiam konteks ini, pemindahan teknologi melalui penggunaan klon-klon yang berpotensi tinggi bukan sahaja dapat memberi hasil yang lebih malahan dapat membekalkan kayu yang bermutu tinggi bagi sektor pembuatan perabot berasaskan kayu getah. Ianya juga menjadi penggalak kepada penanaman semula getah.

(ii) Antara galakan yang diberikan bagi tanaman semula getah termasuklah tabung yang sedia

ada untuk aktiviti lanaman seroula; penanaman campuran iaitu tanaman pepagar membolehkan pekebun kecil menanam bukan hanya getah semata-mata tetapi diselang-seli dengan tanaman kontan seperti durian dan cempedak; dan ketiga, kaedah torehan kekerapan rendah yang membolehkan hasil yang sama walaupun dengan kekerapan menoreh yang rendah dan dengan itu, membolehkan pekebun kecil menjalankan lain-Iain aktiviti di masa yang terluang.

ISU 'ISLAM' DALAM PARTI PAS—TINDAKAN KERAJAAN TERHADAP EKSPLOITASI

15. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jikalau kumpulan Al-Arqam dapat kerajaan membetul kembali dari kesesatan disebabkan kesilapan pemimpinnya, tidakkah patut parti PAS diselidik dengan cara mendalam, kerana terdapat juga di kalangan orang-orang Islam yang mengikut pemimpin-pemimpin parti dengan sewenang-wenangnya sehingga ada yang menganggap PAS itu Islam atau sebaliknya dan apabila ada kesilapannya selepas kajian,tidakkah patut Pendaftar Pertubuhan mengambil tindakan segera.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang mengikuti perkembangan ini dengan teliti dan akan terus mengawasi serta mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang menyalah tafsirkan isu ini untuk kepentingan politik mereka. Kerajaan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan mengikut undang-undang jika isu ini diekspoitasi oleh pihak-pihak tertentu sehingga sampai ke tahap yang menjejaskan keselamatan negara.

ANGKATAN TENTERA DI BOSNIA-HERZEGOVINA—MEMPERTINGKATKAN PERTAHANAN/KELENGKAPAN PERALATAN

16. Tuan Rahim bin Baba minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi melengkapkan angkatan tentera kita yang bertugas di Bosnia-Herzegovina ekoran dari tindakan Amerika Syarikat menarik balik sekatan senjata terhadap Bosnia-Herzegovina dan tindakan NATO mengebom kedudukan pengganas Serb. Apakah tindakan jangka panjang dan jangka pendek yang akan diambil jika peperangan besar-besaran meletus di Bosnia-Herzegovina.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: .Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia berpegang terus kepada pendirian bahawa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak seharusnya mengundurkan pasukan pengamannya dari Bosnia-Herzegovina.Berdasarkan komitmen negara terhadap penglibatannya di Bosnia, maka Malaysia bersedia untuk terus mengekalkan Angkatan Tenteranya di Bosnia-Herzegovina di bawah UNPROFOR . Selaras dengan mandat PBB berhubung dengan tugas UNPROFOR di Bosnia-Herzegovina, kerajaan akan memastikan bahawa pasukan MALB ATT dibekalkan dengan peralatan yang bersesuaian dengan tugas dan tanggungjawab yang telah diberikan kepada Angkatan Tentera Malaysia.

Kelengkapan bagi pasukan MALBATT akan berpandukan kepada garis panduan yang telah ditetapkan oleh PBB.

Walau bagaimanapun, berasaskan situasi semasa di Bosnia, Pasukan MALB ATT telah diarah untuk mengambil tindakan yang bersesuaian bagi mempertingkatkan pertahanan tempatan serta memperkukuhkan kedudukan kem serta kubu-kubu pertahanan pasukan MALBATT. Kerajaan Malaysia akan

senantiasa mengkaji kedudukan situasi di Bosnia dari masa ke semasa bagi menentukan tindakan selanjutnya yang perlu diambil.

KHIDMAT KERAHAN TENAGA KEBANGSAAN DI SINGAPURA—LANGKAH KERAJAAN

17. Tuan Ng See Tiong minta Menteri Luar Negeri menyatakan kes seorang pemuda warganegara Malaysia dipanggil oleh pihak berkuasa Singapura untuk menyertai khidmat kerahan tenaga kebangsaan di Republik itu:

(a) setakat ini bagaimana kes berkenaan berlaku; dan

(b) apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi menyelesaikan masalah yang seperti ini pada masa-masa akan datang.

29.12.94

5. Datuk K.Vijayanathan minta Menteri Luar Negeri menyatakan, memandangkan kepada kes mengenai seorang warga Malaysia berusia 17 tahun yang lahir di Singapura yang baru-baru ini dikehendaki menjalani "National Service" di Singapura, bolehkah beliau memberitahu Dewan apakah langkah-langkah yang telah diambil dengan atau tanpa perbincangan bilateral dengan Singapura untuk mencegah kejadian sebegini.

Dato' Dr. Abduilah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini serentak dengan soalan Yang Berhormat Senator Datuk K. Vijayanathan pada 29.12.94 kerana perkaranya agak bersamaan.

(a) Terdapatduaundang-undangyang terpakai di dalam situasi di mana seseorang itu dilahirkan di Singapura dan salah seorang ibu bapanya warganegara Malaysia dan salah seorang lagi warganegara Singapura. Perkara 120 dan 121 Perlembagaan Singapura memperuntukkan bahawa seseorang yang dilahirkan di Singapura adalah warganegara Singapura, dengan izin, citizenship by birth. Manakala di bawah undang-undang Malaysia pula, khususnya Perlembagaan Persekutuan, sekiranya seseorang itu dilahirkan di Singapura, dan salah seorang ibu bapanya pula adalah warganegara Malaysia, maka individu tersebut adalah warganegara Malaysia mengikut penguatkuasaan undang-undang, dengan izin, operation of law di bawah peruntukan Seksyen *l(b)* Bahagian II kepada Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana seseorang yang dilahirkan di Singapura juga seorang warganegara Singapura, maka beliau adalah tertakluk kepada undang-undang Singapura. Di dalam kes ini, beliau akan tertakluk kepada, dengan izin, Enlistment Act of Singapore yang memperuntukkan bahawa warganegara Singapura adalah dikehendaki mendaftar untuk menyertai kkidmat kerahan tenaga kebangsaan ataupun national service, dengan izin, di Republik itu. Sehubungan dengan ini, terdapat kes-kes di mana warganegara Malaysia telah dipanggil oleh pihak berkuasa Singapura untuk tujuan ini disebabkan mereka juga adalah warganegara Singapura. Walau bagaimanapun, individu tersebut boleh memohon tangguhan ataupun dengan izin, deferment dari menyertai khidmat kerahan tenaga kebangsaan Republik itu sehinggalah umurnya mencapai 21 tahun. Apabila tiba pada umur 21 tahun,beliauinibolehmembuat pilihan sama ada beliau ingin menolak ataupun mengekalkan salah satu kewarganegaraannya.

Sekiranya beliau memilih kewarganegaraan Singapura,maka beliau hendaklah menyertai khidmat kerahan tenaga tersebut. Sekiranya beliau memilih kewarganegaraan Malaysia, maka kewarganegaraan Singapuranya akan terlucut secara automatis. Dalam keadaan ini, beliau boleh memohon supaya suatu exit permit, dengan izin, dikeluarkan oleh Kerajaan Singapura agar individu tersebut dapat bebas keluar masuk Singapura sekiranya beliau sedang ataupun terus menetap di negara tersebut Tuan Yang di-Pertua, dengan mendaftar untuk menyertai khidmat kerahan tenaga kebangsaan di Singapura, kewarganegaraan Malaysia seseorang individu icu tidak akan terlucut serta hak-hak seperti mengundi, untuk mendapatkan pasport antarabangsa tetap kekal.

(b) Kerajaan sesungguhnya memandang serius perkara ini kerana ia melibatkan kebebasan seseorang warganegara Malaysia. Setakat ini, satu mesyuarat di antara beberapa agensi-agensi kerajaan telah diadakah pada 12 Disember lalu. Tujuan mesyuarat tersebm adalah untuk membuat persediaan untuk perundingan dengan pihak Kerajaan Singapura yang akan diadakan tidak lama lagi. Sambil itu, Jabatan Peguam Negara juga sedang mengkaji perkara ini bagi menentukan sekiranya undang-undang kita dipinda, masalah itu akan dapat diatasi.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya percaya kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bukanlab satu kes yang isolated, dengan izin. Saya percaya dan saya difahamkan mengikut laporan akhbar, mengikut penyelidikan yang dilakukan oleh parti MCA di Johor Bahru, banyak lagi kes-kes yang sama telahpun berlaku oleh kerana mereka tidak melaporkan kepadakerajaan. Jadi mereka telahpun menjalankan khidmat kerahan tenaga di Singapura. Tetapi-apa yang ingin saya tanyakan ialah, mereka ini sekarang ini mempunyai dua kerakyatan dua citizenship di mana di bawah undang-undang negara kita tidak membenarkan sesiapa pun mempunyai dua citizenship. Jadi, apakah tindakan-tindakan yang telahpun diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk mengatasi kes-kes di mana terdapat mereka yang mempunyai dua citizenship ini?

Yang keduanya, soalan tambahan saya ialah, kemungkinan ada ibu bapa golongan tertentu di Johor Bahru khasnya sengaja melahirkan anaknya di Singapura untuk mendapatkan benefit of both sides, dengan izin. Jadi, saya percaya anak-anak ini tidak boleh dipersalahkan. Yang boieh dipersalahkan ialah ibu bapa. Jadi, apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan terhadap ibu bapa yang sengaja melahirkan anak di Singapura dan akhirnya mengakibatkan masalah yang akan dihadapi oleh anak-anak ini?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, memang benar kes ini tidak isolated. Ada beberapa kes yang tertentu, leiapi sebelum ini tidak mendapat perhatian secara umum. Hanya akhir-akhir ini dibawa ke lengah dan sedang ditangani oleh pihak kerajaan.

Memang benar juga kata Yang Berhormat Tuan Rahim Baba tadi bahawasanya memang mereka yang terbabit ini mempunyai dua kerakyatan - Malaysia dan Singapura. Memang benar juga negara kita tidak mengizinkan mana-mana warganegara mempunyai dua kerakyatan. Begitu juga Singapura, kita tidak membenarkan warganegaranya mempunyai dua kerakyatan. Oleh kerana masalah teknikal dan legal yang berlaku di antara Singapura dan Malaysia, itulah sebabnya saya kata tadi, pihak kita sedang berbincang dengan berbagai-bagai agensi untuk kita berbincang dengan pihak Singapura sebab kedua-dua pihak ingin menyelesaikan masalah ini. Insya Allah,

dengan adanya kerjasama yang baik antara Singapura dan Malaysia, perkara ini akan dapat diselesaikan, insya Allah, tidak lama lagi.

Tentang ibu bapa yang sengaja melahirkan anak mereka di Singapura, mereka memang hendak mencari penyakitlah! *(Ketawa)* Apa yang berlaku sekarang ini mungkin itulah. Tetapi esok, dengan adanya kerjasama dengan Singapura kelak, dengan adanya kita buat perubahan ataupun pindaan undang-undang, baik di Singapura mahupun di Malaysia ini, mungkin isu-isu ataupun masalah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu dapat dielakkan pada masa-masa muka.

Dato' Mohd. Radzi bin Manan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau ia betul - Singapura dan juga Malaysia tidak membenarkan warganegara-warganegara mereka mempunyai dua kerakyatan ini iaitu satu Malaysia dan Singapura atau sebaliknya, saya rasa perkara ini tidak dapat kita pinda lagi kerana ini Perlembagaan. Jadi, tidakkah boleh kita cari jalan penyelesaian, kita tanya sahaja badan yang berkenaan - hendak jadi rakyat Singapurakah atau Malaysia? Dia hendaklah mengambil tindakan yang tegas dalam perkara ini dan dengan secepat mungkin supaya perkara ini tidak berlaku lagi.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, masalahnya, kes-kes yang terlibat ini melibatkan mereka yang di bawah umur 21 tahun - belum boleh menentukan apa pilihan mereka, sama ada hendak menjadi warganegara Malaysia ataupun Singapura. Itu sebabnya mengapa menjadi masalah. Oleh kerana di Singapura ada undang-undang yang mengatakan, mereka yang lahir di Singapura, kalau salah seorang ibu bapanya adalah warganegara Singapura, sehingga umurnya 21 tahun, tetap menjadi warganegara Singapura. Hanya ketika umurnya cukup 21 tahun, baru mereka boleh buat pilihan. Itu sebab mengapa masih ada lagi kesilapan sedikit di sini.

SUIL KELAHIRAN DAN KAD PENGENALAN—LAWATAN KHAS KE KAWASAN PEDALAMAN

18. Tuan Janggu anak Banyang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara akan pergi ke kawasan pedalaman untuk membuat kad pengenalan dan sijil kelahiran. Apakah yang sudah dilakukan beberapa bulan dahulu dihentikan dan apakah sebab-sebabnya.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, lawatan khas di kawasan pedalaman terutamanya negeri Sarawak bagi membantu penduduk mendapatkan sijil kelahiran dan kad pengenalan masih berterusan. Sebagai contohnya, sejakbulan Julai hingga 5hb. Disember, 1994 sebanyak 20 buah kampung pedalaman telahpun dilawati dan lebih daripada 6,000 permohonan sijil kelahiran dan kad pengenalan telahpun diterima oleh pasukan-pasukan lawatan khas.

GALAKAN FISKAL DAN BUKAN FISKAL KEPADA SEKTOR SWASTA—GERAK BALAS

19. Dato' Soong Siew Hoong minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

(a) apakahjikaada,galakan-galakan fiskal dan bukan fiskal yang diberikan kepada sektor swasta untuk melatih lebih ramai ahli teknik dan pekerja mahir bagi industri-industri semasa dan industri-industri yang dicadangkan untuk masa depan di Malaysia;

(b) apakah gerak balas sektor swasta kepada galakan-galakan ini setakat ini; dan

(c) apakah tindakan-tindakan yang akan diambil untuk memastikan segala galakan ini akan lebih digunakan.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua;

(a) Berbagai galakan fiskal dan bukan fiskal telah dilaksanakan oleh kerajaan supaya sektor swasta melatih lebih ramai ahli teknik dan pekerja mahir bagi memenuhi keperluan industri-industri semasa dan masa depan.Dia ntara galakan-galakan tersebut adalah:

(i) melaksanakan Skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia bertujuan menggalakkan majikan-majikan melatih semula atau meningkatkan kemahiran pekerja mereka;

(ii) memberi "investment tax allowance", dengan izin, sebanyak 100% selama sepuluh tahun kepada syarikat-syarikat yang menubuhkan pusat latihan teknikal dan vokasional mereka sendiri untuk tujuan melatih pekerja-pekerja sendiri ataupun pekerja-pekerja dari luar syarikat mereka termasuk mempertingkatkan kapasiti pusat latihan dan peralatan latihan sedia ada;

(iii) memberi pengecualian cukai-cukai terhadap bahan-bahan peralatan dan mesin-mesin yang diperlukan untuk tujuan latihan;

(iv) menawarkan kursus khas (customisedcourses) dengan izin, pada waktu malam dan hujung minggu di pusat-pusat latihan awam seperti Institut Latihan Perindustrian supaya pekerja-pekerja swasta dapat mengikuti kursus-kursus kemahiran;

(v) membuka peluang kepada sektor swasta untuk turut menganggotai jawatankuasa-jawatankuasa yang terlibat dengan pembentukan kurikulum dan pembangunan latihan supaya mereka terus terlibat secara langsung dalam usaha meningkatkan kemahiran pekerja.

(b) Gerak balas sektor swasta terhadap galakan-galakan yang telah dan akan dilaksanakan itu setakat ini sangat menggalakkan.

(c) Kerajaan akan sentiasa mengawal selia dan membuat publisiti yang meluas ke atas galakan-galakan yang diperkenalkan bagi memastikan pihak swasta mengetahui dan memahami hasrat kerajaan. Di samping itu kerajaan juga menjalankan kajian penilaian terhadapprogram-program selaras dengan keperluan pihak swasta.

APEC DAN ASEAN— KEGIATAN DAN KERJASAMA NEGARA AHLI

20. Dato' Mohd. Radzi bin Manan minta Menteri Dalam Negeri memberi ulasan ke atas anggapan bahawa mengikut beberapa kuasa-kuasa Barat dengan tenubuhnya APEC, ASEAN lidak akan mempunyai "clout" seperti dahulu disebabkan tiap-tiap negara ASEAN sekarang ini akan mengikut dasar masing-masing untuk menenmkan kepentingan negara mereka di dalam koptek APEC yanglebihbesar. Oleh sebab kepentingan dan kerjasama ASEAN belum tercapai 100%, apakah langkah Malaysia khasnya dan negara anggota ASEAN amnya untuk menentukan ASEAN tidak tergugat semata-mata kerana daya tarikan kuasa-kuasa besar melalui APEC.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, seperti ternyata dalam soalan Yang Berhormat itu sendiri, pendapat bahawa ASEAN tidak akan mempunyai "clout" seperti dahulu dengan tertubuhnya APEC adalah

anggapan semata-mata dan pandangan ini memang pernah disiarkan di dalam beberapa akhbar negara-negara Barat.

APEC bam sahaja ditubuhkan dan peranan Malaysia di dalam APEC ialah umuk menentukan kejayaan ekonomi dan keluasan perdagangan serantau dilaksanakan dengan secara terbuka dan tidak terhad kepada negara-negara ahli APEC sahaja. Oleh yang demikian, Malaysia telah menyuarakan kebimbangan terhadap cadangan beberapa buah negara APEC khususnya Australia, USA dan New Zealand untuk menubuhkari sebuah Asia Pacific Economic"'Community, dengan izin, kerana bimbang ianya mungkin akan menjadi sebuah blok perdagangan.

Kegiatan ASEAN pula telah dimulakan sejak 1967 lagi untuk meningkatkan kerjasama ekonomi, sosial dan politik serantau melalui program-program kerjasama bukan sahaja di kalangan negara-negara ahli tetapi juga dengan negara-negara rakan dialog seperti Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, Jepun, Korea, New Zealand, Australia dan Kanada.

Baru-baru ini pula hubungan dialog diperluaskan kepada Republik Rakyat China, Russia, India dan Pakistan. Minat negara-negara itu dan juga beberapa penubuhan kerjasama serantau Latin Amerika, Afrika dan juga negara-negara Asia Tengah dan Barat untuk mewujudkan beberapa bidang kerjasama dengan ASEAN dengan tersendirinya membuktikan kejayaan ASEAN sebagai sebuah organisasi serantau yang berkesan.

Memang benar usaha kerjasama negara-negara ASEAN belum tercapai seratus peratus kejayaan seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat kerana usaha kerjasama yang melibatkan beberapa buah negara memang akan mengambil masa yang panjang. Tidak ada pertubuhan kerjasama serantau yang boleh mengakui bahawa mereka telah pun mencapai kejayaan seratus peratus.

Negara-negara ASEAN baru-baru ini telah pun bersetuju untuk memendekkan tempob merealisasikan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) daripada 15 tahun kepada 10 tahun. ASEAN juga telah meningkatkan kerjasama politik dan keselamatan melalui mekanisme "ASEAN Regional Forum" (ARF), dengan izin, yang melibatkan beberapa negara yang mempunyai kepentingan politik dan keselamatan di rantau ini.

Keanggotaan negara-negara ASEAN juga akan bertambah. Vietnam dijangka akan menjadi anggota negara ASEAN pada tahun 1995. Sementara Laos, Kampuchea dan Myanmar dijangka akan menjadi anggota ASEAN dalam sedikit masa lagi—insya Allah.

Berasaskan kepada penerangan yang telah diberikan, saya berpendapat penglibatan negara-negara yang lebih maju dalam APEC tidak akan menggugat usaha kerjasama -ASEAN. Negara-negara ASEAN saya yakin tidak akan mengikut dasar masing-masing untuk hanya menentukan kepentingan negara sendiri di dalam konteks APEC dan mengorbankan kepentingan ASEAN.

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri LuarNegeri menyatakan bahawa Malaysia tidak begitu bersetuju dengan konsep Asia Pacific Economic Community seperti yang dicadangkan oleh setengah anggota-anggota APEC. Tetapi pada masa yang sama kita adalah berusaha kuat untuk -menubuhkan ASEAN Free Trade Area (AFTA). Tidakkah Asia Pacific Economic Community ini .merupakan suatu pembesaran AFTA iaitu kita membesarkan konsep AFTA sehingga meliputi semua negara yang terdapat di Asia Pasifik itu? Jadi apakah salahnya adanya Asia Pacific Economic Communily? Kalau sebabnya adalah kerana ia akan menjadi satu trading block tetapi ada banyak juga trading block yang lain di kawasan-kawasan yang lain.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, dasar kita ialah tidak ingin kawasan ini jadi sebuah blok perdagangan. Walaupun ada wujud blok-blok perdagangan di lain tempat seperti NAFTA atau EU; dan kita memang selain daripada Malaysia dan lain-lain negara di ASEAN, di Asia Timur telah mengeluarkan perasaan kerisauan dan kebimbangan kita tentang wujudnya blok-blok perdagangan seperti yang ada di setengah-setengah tempatdan kita nampak akan menjejaskan open trading system ataupun sistem perdagangan bebas seperti yang dilihat sebagai satu sistem yang boleh membawa kepada peningkatan ekonomi yang adil di seluruh dunia. Sebab kita kini berjaya dalam bidang ekonomi, Jepun beijaya, Korea berjaya dengan dasar terbuka yang kini kita dapat sama-sama menghayati.

Kita tidak yakin kalau blok-blok perdagangan diwujudkan boleh membawa kepada peningkatan ekonomi di seluruh dunia dan kita tidak mahu APEC jadi sebuah trading block seperti yang diutarakan oleh negara-negara yang saya sebut sebentar tadi dan trading system ASEAN ataupun AFTA bukanlah merupakan satu blok perdagangan. la hanya merupakan suatu kerjasama ekonomi perdagangan untuk hendak menggalakkan intra-ASEAN trade dan kita bebas secara individual ataupun berkumpulan untuk berdagang dengan mana-mananegarapundalamdunia,bukan merupakan satu blok dan kita memang menentang kewujudan mana-mana blok di dalam kawasan di sebelah timur ini. Itu sebab mengapa kita menentang kewujudan Asia Pacific Economic Community.

UBAT-UBATAN DI PASARAN TEMPATAN—KAWALAN

21. Tuan Abdul Rashid bin lsmail minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk perketat kawalan ubat di pasaran kerana pada masa ini terdapat penjualan vitamin, health food dan health supplement yang tidak dikendalikan dengan sempuma yang boleh mengakibatkan hsiko ekonomi dan fizikal masyarakat

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 yang digubal di bawah Akta Ubat-ubatan 1952 memerlukan semua ubat-ubatan didaitar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah sebelum ianya dibenarkan dijual di pasaran tempatan. Sebelum sesuatu ubat didaftarkan, ianya dinilai dari aspek keselamatan, kualiti dan kesannya. Ubat-ubat vitamin, health food dan health supplement juga perlu dinilai dan didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah. Pengilang, pengimpon dan pemborong ubat-ubat vitamin, heallh food dan health supplement juga perlu mendapatkan lesen-lesen mengilang, mengimpon atau pemborong dari Pihak Berkuasa Kawalan Dadah. Dari itu, Kementerian Kesihatan berpendapat bahawa kedua-dua kawalan ini jugaadalah mencukupi untuk melindungi rakyat dari terdedah kepada ubat-ubat vitamin, health food dan health supplement yang boleh membahayakan kesihacan.

Kementerian Kesihatan juga sedang merancang beberapa aktiviti yang bertujuan untuk mendidik pengguna terhadap penggunaan ubat-ubat secara rasional. Orang ramai adalah seharusnya bertanggungjawab terhadap kesihatan dihnya sendiri dan dinasihatkan supaya tidak terpedaya dengan galakan jualan ubat-ubatan oleh penjual-penjual yang hanya berminat untuk mengaut keuntungan.

Dato' Shahiruddin bin Ab. Moin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Hari ini di seluruh negara terlalu banyak kedai ubat dan farmasi. Hari ini banyak rungutan bahawa ramai remaja mudah untuk mendapatkan ubat-ubat yang boleh mengkhayalkan mereka dengan bebas daripada kedai-kedai ubat

dan farmasi-farmasi, ubat batuk contohnya, sebab dadah susah dapat, senang dicari ubat batuk di farmasi-farmasi. Oleh itu apakah langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian dalam membanteras perkara-perkara seperti ini? Kalau ada tindakan, berapa kerapkah pihak kementerian mengadakan siasatan-siasatan mengejutkekedai-kedai ubat atau farmasi di seluruh negara yang ada pada hari ini?

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat)*

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kawalan ubat, selain daripada mendapat lesen, pertamanya ubat-ubat yang dijual di farmasi-farmasi diuji dan diberi lesen. Berkaitan dengan mendapat ubat seperti ubat batuk untuk penagih dadah—itu soalan yang lain. Ubat itu diuji dan diberi kebenaran untuk dijual kepada pesakit. Jika tuan punya farmasi salah gunakan kuasa itu, itu perkara yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekian Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut

(Masa untuk Penanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8 dan 22 hingga 48 akan dijilid dalam buku. berasingan)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1994) (NO. 2) 1994

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Unisan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah,"Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyambung ucapan menggulung saya yang telah dimulakan semalam. Sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi terima kasih kepada empat Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan semalam. Saya telahpun menjawab perkara-perkara utama yang dibangkitkan oleh Yang Berbormat Dr. Toh Kin Woon dan Yang Berhormat Tuan Rahim Baba. Hari ini saya bercadang untuk menjawab perkara-perkara utama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad dan Yang Berhormat Tuan Ding Seling. Saya bermula dengan perkara-perkara utama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad.

Yang Berhormat Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad banyak membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Belia dan Sukan khususnya program-program belia dalam Rakan Muda. Beliau juga ada membangkitkan tentang program penyelenggaraan yang dilakukan oleh kerajaan khususnya bagi memperbaiki keadaan sekolah. Seterusnya beliau membangkitkan tentang masalah FELDA.

Pertama, saya ingin menyebut tentang perkara-perkara yang dibangkitkan berkaitan dengan Rakan Muda. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada peruntukan yang dipohon untuk diluluskan tambahan untuk Kementerian Belia dan Sukan,kira-kiraRM2.8juta adalah untuk Rakan Muda. Jadi, bagi menjawab pertanyaan Tuan Haji Jamaludin, berapakah jumlah peruntukan yang disediakan untuk Rakan Muda di bawah Rang Undang-undang ini, jumlahnya ialah RM2.8 juta. Seperti yang kita sedia maklum, program Rakan Muda ini baru sebulan dua dilaksanakan dan tahun hadapan sudah pasti akan diperhebatkan lagi dengan peruntukan kira-kira RM34 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Haji Jamaludin, saya ingin memaklumkan bahawa pibak kementerian telah pun mengambil tindakan untuk mengisi jawatan-jawatan baru dalam Perkbidmatan Belia dan Sukan di peringkat daerah. Pihak agensi pusat telahpun meluluskan jawatan jawatan ini iaitu 151 jawatan tambahan kesemuanya sekali. Saya difahamkan bahawa proses untuk mengambil dan mengisi pegawai-pegawai berkenaan sedang diuruskan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Jadi, kita berharap dengan adanya tambahan ini beberapa program yang sedang dirancang akan dapat dijayakan dengan sempurnanya.

Tuan Yang di-Pertua, Tuan Haji Jamaludin jugatelah mencadangkan agar Kementerian Belia dan Sukan menekankan aspek kesenian dan permainan lama dalam program Rakan Muda dan penerangan juga perlu diberikan kepada orang ramai. Saya ingin memaklumkan bahawa program Rakan Mudak hususnya program-program Rakan Seni Budaya dan Rakan Rekreasi ada memberi perhatian terhadap kesenian dan permainan tradisional. Golongan sasarannya adalah kepada semua bangsa. Berkaitan dengan program penerangan seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pihak Kementerian Belia dan Sukan telah dan sedang mengadakan program road show, dengan izin, memberi penerangan dari negeri ke negeri yang golongan sasarannya melipuci semua pertubuhan kerajaan, bukan kerajaan dan swasta, di peringkat negeri dan daerah. Ini adalah bertujuan untuk memberi penjelasan sebaik-baiknya tentang konsep sebenar program Rakan Muda dan cara kerajaan hendak melaksanakannya. Setakat ini kerajaan amatberpuas hatl dengan sambutan yang diberikan oleh pihak-pihak tersebut.

Tuan Yang di-Perlua, seterusnya saya ingin beralih kepada program penyenggaraan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Jamaludin. Saya ingin memaklumkan bahawa penyenggaraan ini memang diberi perhatian oleh kerajaan tiap-tiap tahun. Yang membezakan tahun ini dengan tahun hadapan ialah kerajaan melancarkan satu program khusus secara besar-besaran untuk menyenggara bukan sahaja sekolah tetapi juga bangunan-bangunan yang dimiliki oleh Kementerian Kesihatan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat serta penyenggaraan jambatan dan jalan raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah pun mengumumkan program besar-besaran, program penyenggaraan di bawah projek khas penyenggaraan berjumlah RM2.000 juta baru-baru ini dan penmtukan sebanyak RM212 juta yang dipohonkan di bawah anggaran tambahan ini merupakan sebahagian daripada program RM2,000 juta yang diumumkan oleh kerajaan.

Sebelum saya maklumkan sedikit sebanyak tentang program besar-besaran itu, ingin saya memaklumkan bahawa dalam memilih sekolah-sekolah untuk disenggara ini, kerajaan amat teliti dan mengadakanperbincangandenganjabatan pendidikan, pegawai pendidikan daerah, pengetua-pengetua sekolah bersama-sama dengan pihak JKR. Secara keseluruhannya projek penyenggaraan ini melibatkan kira-kira 5,989 buah sekolah di seluruh negara.

Tumpuannya adalah diberikan kepada aspek-aspek keselamatan seperti pendawaian semula elekthk dan bagi sekolah berasrama penuh pula tumpuan diberikan kepada pemasangan sistem keselamatan kebakaran dan sebagainya. Projek program ini sudah pun bermula dan akan disiapkan dalam sedikit masa lagi.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa di bawah program raksasa yang diumumkan oleh kerajaan berjumlah RM2,000 juta maka pencapaiannya adalah agak meng-galakkan. Daripada RM2,000 juta yang

dikhaskan untuk program ini, untuk tempoh tahun ini dan tahun hadapan, RM1,850 juta adalah untuk JKR dan selebihnya untuk Kementerian Pertahanan, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mana diperuntukkan RM50 juta tiap-tiap satu.

Saya ingin memaklumkan bahawa di bawah program ini sehingga 15hb November yang lalu, kita telah-.pun membelanjakan RM120.16 juta dan sebanyak 8,406 buah projek, kesemuanya dikenalpasti untuk dilaksanakan di bawah program ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada peringkat ini kita telah pun mengenalpasti projek-projek dan pemilihan kontraktor telah pun dibuat dan di mana tempat dalam negara kita, program ini sedang giat di-laksanakan. Seperti mana yang saya maklumkan tadi, sebanyak 5,989 buah sekolah telah dikenalpasti dan sekolah-sekolah ini, pembaikannya telah pun diagihkan, kepada kontraktor yang melibatkan peruntukan sebanyak RM650 juta. Dahpada 5,989 buah sekolah tersebut, kerja-keija di 78 buah sekolah sehingga 15hb November yang lalu telah pun siap dibina. Itu berkaitan dengan program-program untukmenyelenggarakan sekolah di luar bandar. Ini adalah tambahan kepada peruntukan biasa yang diberikan oleh kerajaan dari semasa ke semasa dan kita percaya dengan tambahan yang diperuntukkan itu, maka keadaan pembelajaran sekolah akan bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkaitan dengan jalan luar bandar dan jalan kampung. Ingin dimaklumkan bahawa kerajaan juga memberi perhatian kepada aspek ini dan dalam Rancangan Malaysia Keenam, umpamanya mengikut ceiling ataupun had bumbung perbelanjaan yang dipinda di bawah Rancangan Malaysia Keenam, kerajaan telah meluluskan RM360 juta bagi memperbaiki jalan-jalan kampung. Mengikut rancangannya, kerajaan bercadang untuk menaikkan taraf kira-kira 19,957 kilometer jalan kampung. Menaikkan taraf ini, sebahagian besarnya bermaksud mengtarkan jalan-jalan yang berkenaan. Sehingga kini, kerajaan telah mem-belanjakan tidak kurang daripada RM300 juta untuk menyenggarakan jalan-jalan kampung iaitu sejak Rancangan Malaysia Keenam dilancarkan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad membangkitkan tentang masalah di FELDA, khususnya beliau ingin tahu berapa banyak tanah yang telah diberi hakmilik kepada peneroka dan berapa banyak tanah lagi yang masih belum dibeh hakmilik. Saya ingin memaklumkan baha wa keluasan tanah FELDA yang telah dikeluarkan hakmilik ialah seluas 93,537 hektar dan melibatkan sebanyak 22,866 peneroka. Manakala tanah yang belum dikeluarkan hakmilik adalah seluas 433,127 hektar. Ini menjadikan kawasan tanah yang dimajukan oleh FELDA di bawah sistem Skim Hakmilik seluas 528,664 heklar. Bermakna kira-kira 20% daripada keluasan tanah yang dimajukan di bawah sistem Skim Hakmilik telah pun diberi hakmilik kepada peneroka-peneroka FELDA. Itu untuk menjawab pertanyaan berkaitan dengan hakmilik yang telah pun diberikan kepada peneroka FELDA. Itulah perkara-perkara utama yang dibangkitkan oleh Yang Berhonnat Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad.

Seterusnya, Tuan Yang di-Penua, saya ingin menjawab beberapa soalan utama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Ding Seling. Yang BerhormatTuan Ding Seling banyak membangkitkan tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh kawasan luar bandar. Sebelum saya memaklumkan beliau tentang peruntukan yang disediakan bagi menyediakan bekalan elektrik ke rumah-rumah panjang, ingin saya maklumkan secara keseluruhannya bahawa kerajaan memperuntukkan di bawah Rancangan

Malaysia Keenam bagi bekalan air luar bandar di Sarawak—sebanyak RM72.3 juta dan bagi bekalan elektrik luar bandar pula yang diperuntukkan bagi negeri Sarawak ialah RM163 juta. Projek-projek bekalan elektrikdan bekalan air luar bandar di Sarawak dan juga negeri-negeri lain adalah ditetapkan oleh negeri yang berkenaan dan setelah ditetapkan, maka permohonan akan dikemukakan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Itu prosesnya. Peruntukannya agak besar iaitu bagi bekalan air luar bandar di Sarawak—RM72.3 juta; bagi elektrik luar bandar—RM163 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam.

Seterusnya berkaitan dengan rumah panjang. Saya ingin memaklumkan bahawa di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos menyalurkan pemntukan sebanyak RM2 juta setahun kepada Unit Penyelarasan, Jabatan Perdana Menteri bagi bekalan elektrik, khususnya membeli generator ke rumah panjang di Sarawak dan juga di kampung terpencil. Saya ada beberapa perangkaan di sini—umpamanya, bagi tahun 1993, sebanyak 78 rumah panjang dibekalkan elektrik, sebanyak 41 kampung terpencil dibekalkan elektrik. Manakala daripada Januari sehingga kini (tahun 1994) sebanyak 41 buah mmah panjang telah pun dibekalkan elektrik dan sebanyak 24 buah kampung terpencil telah pun dibekalkan elektrik.ini merupakan perbelanjaan ataupun projek-projek yang dilaksanakan di bawah peruntukan RM2 juta setahun yang dikhususkan untuk membekalkan elektrik ke rumah panjang dan juga di kampung-kampung terpencil.

Seterusnya, Yang Berhormat Tuan Ding Seling membangkitkan tentang masalah kelewatan Jabatan Pendaftaran Negara. Kerajaan mengambil maklum pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, ingin saya jelaskan bahawa peraturan biasa yang ditetapkan di bawah undang-undang perlu dipatuhi sebelum sesuatu tindakan diambil untuk mengeluarkan Kad Pengenalan. Jabatan Pendaftaran Negara roemang memberikan beberapa kelonggaran dalam permohonan Kad Pengenalan bagi Sabah dan Sarawak. Namun begitu, beberapa keperluan asas, peraturan dan undang-undang perlulah dipatuhi. Walau bagaimanapun Jika Yang Berhormat Tuan Ding Seling mempunyai aduan yang tertentu dan spesifik, bolehlah beliau kemukakan kepada kami, pihak kerajaan, untuk kita menyiasat secara detail dan spesifik aduan yang telah dibangkitkan oleh beliau.

Beliau juga ada membangkitkan tentang perlunya diadakan kajian tentang kesan kehadiran pekerja.asing di negara kita. Beliau mengatakan bahawa adalah merbahaya jika kita terlalu bergantung kepada pekerja asing. Perkara ini memang dalam perhatian kerajaan dan kerajaan dah masa ke semasa mengkaji perkara ini. Kita memerlukan pekerja asing kerana kita kekurangan buruh, kerana kita mengalami kadarpertumbuhan yang pesat Dalam pada itu, kerajaan sedar bahawa kita perlu berhati-haci dalam mengambil pekerja asing untuk bekerja di negara kita. Jadi, kita ucapkan terima kasih atas pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Ding Seling.

Tuan Yang di-Pertua, itulah antara perkara-perkara utama yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Sekali lagi, sayabagi pihak Kementehan Kewangan, ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada empat Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon, Yang Berhormat Tuan Rahim Baba, Yang Berhormat Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad dan Yang Berhormat Tuan Ding Seling kerana membahas dan mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang berkaitan dengan perbelanjaan tambahan yang dipohonkan sebanyak RM562 juta untuk dibelanjakan bagi tahun ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan,

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon tnemaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1994 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu telah disetujukan tanpa pindaan. Mengikut peruntukan Peraturan Malaysia 53(2) Majlis Dewan Negara, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahari 1994 (No.2) 1994 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Penua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi dipmuskan, dan disetujukan,

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG SIMPANAN KERETAPI TANAH MELAYU (PEMBUBARAN) 1994

Bacaan Kali Yang Kedoa dan Ketiga

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon bagi pihak Menteri Pengangkutan mencadangkan Suatu Rang Undang-undang yang bernama Akta Kumpulan Wang Simpanan Keretapi Tanah Melayu (Pembubaran) 1994 bagi bacaan kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menutup Kumpulan Wang Simpanan Keretapi Tanah Meiayu dengan memansuhkan Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Keretapi Tanah Melayu 1952. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Keretapi Tanah Melayu telah ditubuhkan di bawah Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Keretapi Tanah Melayu 1952, untuk mengambil kira serta memelihara keperluan Kumpulan Wang Kakitangan Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu (KTM) yangpada masa itu belum mempunyai status kakitangan kerajaan. lanya ditubuhkan untuk tujuan pemberian sejumlah wang di atas persaraan, perletakan jawatan, pemecatan, serta kematian kakitangan KTM.

Pada tahun 1963 kakitangan KTMtelah diisytiharkan kakitangan kerajaan di bawah pehntah mahkamah. Kebanyakan dari kakitangan telah memilih untuk perjawatan berpencen dan lanjutan dari itu caruman mereka termasuk faedah telah dikembalikan. Pada masa ini tidak ada kakitangan KTM yang sedang berkhidmat yang mencarum kepada kumpulan wang ini. Walau bagaimanapun, masih terdapat 20 nama yang masih tercatat di dalam daftar kumpulan wang ini. Nama-nama pencarum tersebut terdiri dari kakitangan

KTM yang telah dibuang kerja, lah dari kerja dan yang belum sampai tahap umur persaraan mandatori 55 tahun.

Rang Undang-undang yang dicadangkan untuk membubarkan Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Keretapi Tanah Melayu 1952 secara amnya benujuan untuk:

(i) Menutup Kumpulan Wang Simpanan Keretapi Tanah Melayu yang ditubuhkan di bawah Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Keretapi Tanah Melayu 1952;

(ii) Memindahkan deposit dan bonus berjumlah RM227,739.66 sen untuk baki 20 orang ahli kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mengikut peruntukan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991; dan

(iii) Memindahkan segala baki harta bersih yang masih ada pada KTM Berhad.Peruntukan-peruntukan utama yang terdapat di dalam Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Keretapi Tanah Melayu (Pembubaran) 1994 adalah seperti berikut:

Pembubaran Kumpulan Wang Simpanan Keretapi Tanah Melayu—

(i) Rang Undang-undang yang dicadangkan bertujuan untuk membubarkan Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Keretapi Tanah Melayu 1952danKumpulan Wang yang ditubuhkan di bawahnya. Segala kaedah yang dibuat di bawah seksyen 11 Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Keretapi Tanah Melayu 1952 adalah dimansuhkan sebaik sahaja mula berkuatkuasanya Akta Kumpulan Wang Simpanan Keretapi Tanah Melayu (Pembubaran) 1994.

(iii) Cadangan untuk menutup Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Keretapi Tanah Melayu adalah wajar kerana kakitangan KTM telah diisytiharkan kakitangan kerajaan pada tahun 1963. Di samping itu dalam urusan perbadankan KTM semua kakitangan tetap KTM telah diberi opsyen untuk memilih, untuk berkhidmat dengan KTMB atau bersara. Oleh yang demikian, tujuan pengwujudan Kumpulan Wang ini tidak timbul lagi.

Pemindahan harta dan aset Kumpulan Wang pada KTMB—

(i) Rang Undang-undang ini memperuntukkan supaya segala harta alih, aset dan wang yang ada dalam Kumpulan Wang hendaklah dipindahkan dan dileiakhakkan dengan KTMB.

(ii) Kumpulan Wang ini telah diurus oleh pentadbiran KTM dan seterusnya oleh syarikat pengganti KTMB semenjak ianya ditubuhkan padatahun 1992 hingga sekarang. Keuntungan yang diperolehi oleh Kumpulan Wang ini merupakan hasil daripada usaha dan -pengurusan kewangan yang berkesan daripada KTM dan KTMB.

(iii) KTMB yang diperbadankan pada Ihb Ogos, 1992 mengalami kekurangan modal kerja. Modal Kerajaan Persekutuan di KTMB hanya berjumlah RM95.9 juta. Dengan memindahkan segala lebihan dahpada Kumpulan Wang ini kepada KTMB, modal kerja KTMB akan bertambah dan ini dijangka akan dapat membantu keperluan kewangan KTMB.

(iv) KTMB memerlukan bantuan modal kerja kerana ianya telah diperbadankan sebagai sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan pada 1 Ogos, 1992 dengan tiada apa-apa kemasukan modal tunai dari Kerajaan Persekutuan.

(v) Kedudukan kewangan KTMB masih kurang kukuh, untuk akaun tahunan yang berakhir pada 31 Disember, 1992 KTMB telah memperolehi keuntungan kecil sebelum cukai berjumlah RMS.7 juta dan keuntungan bersih selepas cukai dan perkara luar biasa berjumlah RM2.7 juta. Untuk tahun 1993, penyata kewangan belum diaudit KTMB, menunjukkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM9.6 juta.

(vi) Keperluan kewangan untuk membiayai penyelenggaraan dan penggantian stok kereia serta perbelanjaan modal KTMB adalah besar. Untuk keperluan 5 tahun pertama dari tahun 1993 hingga tahun 1997,KTMB menjangkakan akan memerlukan RM1,100,000 untuk membeli stok kereta seperti train electric commuter, lokomotif, koc penumpang dan gerabak barang. KTMB terpaksa menanggung kebanyakan perbelanjaan ini melalui sumber-sumber sendiri dan pinjaman komersil yang membebankan kedudukan kewangan KTM.

Pemindahan Kumpulan Wang Pendeposit kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja KWSP—

(i) Rang Undang-undang memperuntukkansupayasegaladeposit dan bonus bagi 20 ahli dipindahkan kepada Kumpulan Simpanan Pekerja, mengikut peruntukan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991. Peikara-perkara lain ialah rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah saya sebutkan itu adalah perkara-perkara yang utama, yang terkandung di dalam Akta Kumpulan Wang Simpanan Keretapi Tanah Melayu (Pembubaran) 1994.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk memansuhkan Ordinan Kumpulan Simpanan Keretapi Tanah Melayu 1952, untuk membubarkan Kumpulan Wang Simpanan Keretapi Tanah Melayu yang ditubuhkan di bawah Ordinan itu, untuk memindahkan semua hartanya kepada Keretapi Tanah Melayu Berhad dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila. Nampaknya tidak ada perbahasan. Saya mintalah Timbalan Menteri. Jadi, tidak ada apa-apa hendak jawab, kalau hendak tambah lagi apa-apa?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tidak ada apa-apa perbahasan, dan tadi saya pun telah menjelaskan dengan panjang lebar, rasa saya memadailah dengan penjelasan itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa)*

Fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM (SABAH) (PINDAAN) 1994

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.03.ptg.

Setiausaha Pariimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang bemama Suatu AktaPencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) (Pindaan) 1994 dibaca kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) digubal bagi menubuhkan Kumpulan Wang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) dan membuatkan peruntukan untuk pembayaran pencen bagi balu-balu dan anak-anak yatim pencarum-pencarum yang terdiri dahpada pegawai-pegawai awam di Sabah yang meninggal dunia. Ordinan berkenaan telah berkuatkuasa pada 23hb April, 1951. Rang Undang-undang Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) (Pindaan) 1994 yang dicadangkan ini bertujuan untuk meminda Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) bagi mengemaskinikan Ordinan berkenaan.Di antara pindaan-pindaan yang dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam Ordinan tersebut adalah seperti berikut:

(i) menjelaskan keanggotaan Lembaga Pengurusan Kumpulan Wang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah);

(ii) untuk memberi kuasa kepada menteri yang bertanggungjawab bagi pencen untuk melantik aktuari bagi menjalankan penilaian ke atas Kumpulan Wang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah);

(iii) untukmembolehkanmenteriyang bertanggungjawab bagi pencen menyemak semula kadar pencen yang kena dibayar di bawah Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) dari masa ke semasa atas syor Lembaga Pengurusan Kumpulan Wang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah).

Tuan Yang di-Pertua, berikut adalah perihal mengenai pindaan-pindaan yang dicadangkan:

Seksyen 2 dicadangkan dipinda dengan memansuhkan takrif 'actuary' kerana takrif berkenaan tidak lagi penting berikutan pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 7.

Seksyen 2 juga bertujuan mengadakan takrif bagi istilah 'local pensions authority' dan 'minister' kerana istilah-istilah ini digunakan dalam beberapa peruntukan dalam Ordman berkenaan.

Istilah 'local pensions authority' mentakrifkan sebagai"Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam" atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya secara bertulis untuk bertindak bagi pihaknya.

Istilah 'minister' mentakrifkan sebagai menteri yang pada masa ini bertanggungjawab kepada pencen.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 3 dicadangkan dipinda untuk menjelaskan keanggotaan Lembaga Pengurusan Kumpulan Pehcen Balu dan Anak Yatim (Sabah) dan memastikan Lembaga tersebut

dianggotai oleh wakil jabatan yang releven. Pindaan berkenaan mencadangkan Lembaga Pengurusan Kumpulan yang tersebut terdiri daripada anggota seperti berikut:

(i) Pihak berkuasa pencen tempatan akan menjadi Pengerusi.

(ii) 2 orang pegawai daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia yang akan dilantik oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

(iii) Seorangpegawaidaripada Jabatan Ketua Menteri yang akan dilamik oleh Setiausaha Kerajaan Negeri.

(iv) Seorang pegawai daripada Perbendaharaan Negeri yang akan dilantik oleh ketua jabatan berkenaan.

(v) Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah atau mana-mana pegawai yang dilantik olehnya.

(vi) Sekurang-kurangnya seorang ahli yang mewakili kepentingan pencarum-pencarum yang akan dilantik oleh menteri yang berkenaan.

Dua subseksyen dicadangkan dimasukkan selepas subseksyen (2) kepada seksyen 3, iaitu subseksyen (2A) dan (2B). Subseksyen- subseksyen itu masing-masing bertujuan untuk memberi penjelasan mengenai ternpoh ahli-ahli Lembaga -Pengurusan Kumpulan Wang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) memegang jawatan masing-masing dan kuasa Lembaga Pengurusan untuk melantik seorang Setiausaha yang akan bertanggungjawab untuk membantu Lembaga Pengurusan dalam pentadbiran kumpulan wang tersebut.

Di bawah peruntukan subseksyen yang berkenaan yang dicadangkan, ahli-ahli Lembaga Pengurusan hendaklah memegang jawatan tersebut untuk suatu tempoh sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak berkuasa melantik berkenaan seperti yang ditetapkan dalam subseksyen (2) yang dicadangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 7 dipinda untuk memberi kuasa kepada menteri yang bertanggungjawab bagi pencen untuk melantik aktuari bagi menjalankan penilaian ke atas Kumpulan Wang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah).

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 32A dicadangkan dipinda untuk membolehkan menteri yang bertanggungjawab bagi pencen menyemak semula kadar pencen yang kena dibayar di bawah ordinan berkenaan dari masa ke semasa atas syor Lembaga Pengurusan Kumpulan Wang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah).

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yangdi-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) bacaan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.06 ptg.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk menyokong semua Fasal-fasal yang tertera dalam Akta yang baru dibentang dan saya mengharapkan semua pengurusan kumpulan wang akan dapat menunaikan tanggungjawab dengan sempurna untuk kepentingan pihak-pihak yang tersebut dalam Akta yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ding Seling.

4.10 ptg.

Tuan Ding Seling: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim, Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong rang undang-undang ini, saya ingin juga mengemukakan satu dua perkara yang bagi saya ada sedikit kurang jelas ataupun yang saya ingin cadangkan kepada pihak kementerian agar mendapat perhatian mereka ataupun melakukan pengutusan wang di dalam Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim, Sabah ini dengan lebih sempurna dan berkesan. Yang pertama sekali, saya ingin memberi pandangan sedikit mengenai subseksyen (3), pitndaan seksyen 3 yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, iaitu mereka yang dilantik sebagai ahli kepada Board of Management, dengan izin, yang banyak bilangannya. Satu daripada mereka dari 'local pensions authority' sebagai Chairman, sebagai Pengerusi; dan dua lagi daripada Public Service Department, dan seterusnya banyak lagi yang akan dilantik.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya mengenai perkara ini, sekiranya terlalu banyak ahli kepada Board of Management ataupun Lembaga yang menguruskan fund ini, saya rasa adalah bermasalah sedikit walaupun ini memang ada tujuannya yang baik dan elok bagi menentukan pengurusan wang ini adalah sempuma. Tetapi dah segi keberkesanannya, saya ingin minta pandangan ataupun minta fikiran pihak kementerian sama ada mengadakan terlalu banyak ataupun bilangan-bilangan yang disebut tadi, iaitu *(a),(b)*$_t$*(c),(d),(e)* dan *(f)* dan ada lebih dahpada satu organisasi, adakah ini menentukan keberkesanan pengurusan wang ini ataupun di sebaliknya, kerana mereka yang memerlukan bantuan selepas misalnya emak bapa mereka yang telah meninggal yang memerlukan wang pencen itu, mereka lidak akan menunggu lama-lama sehingga bertahun. Kemungkinan mereka yang dalam Board of Management itu tak boleh bermesyuarat bersama, jadi terpaksa tenangguh. Kita tahulah kalau tenangguh mungkin bukan satu atau dua hari, mungkin ada seminggu, sebulan, di mana mereka perlu memanggil bermesyuarat lagi. Ataupun adakah caia lain Lembaga ini boleh melakukan tugas mereka, iaitu dari segi membuat resolusi ataupun keputusan mereka dengan menggunakan circular. Yang ini saya minta pandangan bagaimanakah caranya Lembaga ini akan melakukan tugas mereka, walaupun saya penuh yakin tujuannya kerajaan menentukan ada banyak begini, memanglah dengan tujuan yang baik. Tetapi saya ingin minta supaya keberkesanannya dan khidmat yang akan diberi kepada mereka yang memerlukan perkhidmatan itu juga harus diTikirkan. Iculah komen saya mengenai pindaan ataupun bilangan mereka yang ada dalam Board of Management comprising beberapa orang ladi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya juga saya ingin memberi pandangan sedikit mengenai subseksyen 3(2B) iaitu yang berbunyi dalam versi bahasa Inggeris di sini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "The Board shall appoint a Secretary who shall assist the Board in the administration of the Fund."

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya adakah Secretary ataupun Setiausaha itu mempunyai ataupun diberi kuasa tertentu supaya beliau yang menguruskan hal-hal mengenai perkara ini dari sehari ke sehari boleh mengarnbil keputusan tanpa merujuk setiap perkara kepada Lembaga, kerana dalam pengalaman kita sebagai pegawai kerajaan ataupun bekas pegawai kerajaan, apabila orang-orang yang datang menemui seseorang pegawai dan apabila diberi jawapan "baiklah saya akan rujuk kepada Pengerusi ataupun Lembaga" dan sebagainya, perkara ini biasanya menghampakan orang yang daiang, iaitu mungkin balukah, anak yatimkah yang datang kepada Setiausaha yang mengadu ataupun meminta nasihat, dan kalaulah diberi jawapan seperti itu, memang ini menghampakan orang yang memerlukan perkhidmatan yang cepat ataupun yang tepat apabila mereka datang. Jadi, saya ingin memberi pandangan di sini ataupun permohonan di sini agar perlanlikan

Setiausaha itu adalah diberi jugaauthority ataupun kuasa tertentu untuk membolehkan dia menguruskan wang itu dengan cara yang berkesan dan sempuma.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya rasa dari segi pengurusan Board ataupun Lembaga tadi, oleh kerana mereka yang pernah mencarum kepada wang itu sebenarnya pencaruman mereka adalah mengikut peraturan-peraturan tertentu dan juga memanglah ada rekod-rekod tertentu yang telah pun sempurna disimpan oleh pihak-pihakauthority atau pejabat-pejabat kerajaan yang tertentu. Jadi, untuk menubuhkan Board of Management dan seterusnyaadapegawai seperti Secretary yang begini saya rasa agak mungkin mengecewakan orang yang memerlukan perkhidmatan, iaitu anak yatim dan balu. Jadi, saya ingin minta bagaimanakah boleh kerajaan menentukan perkhidmatan untuk mengagihkan caruman yang telah dilakukan oleh pencarum dahulu diberi dengan cepat dan tepat pada masanya supaya mereka yang memerlukan itu tidaklah menunggu lama-lama.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai seksyen 7 yang meminda di mana saya baca di sini, "Ordinan" adalah dipinda dengan- menggantikan perkataan approved by th Minister' dengan perkataan 'appointed by the Minister'.

Tuan Yangdi-Pertua,dalam 'approved by the Minister' dan 'appointed by the Minister' ini saya ingin b rtanya apakah bezanya kerana dalam pandangan saya kalau 'approved by the Minister,' seseorang itu adalah telah dipilih oleh seseorang pegawai tinggi dalam jabatan tertentu dan dikemukakan namanya ataupun butir-butir mengenai yang dipilih itu kepada Menteri untuk pertimbangan Menteri, iaitu Yang Berhormat Menteri sendiri tidak membuatkeputusan ataupun tidak memilih seseorang yang dipilih tadi. lanya dipilih oleh pegawai-pegawai ataupun pegawai-pegawai atasan ataupun pegawai yang lain yang telah kenal benar-benar orang yang layak dilantik tadi. Jadi, ini dari segi 'approved by the Minister,' di mana beliau iaitu Yang Berhormat Menteri hanya meluluskan perlantikan seseorang itu tadi. Manakala butir-butir mengenai seseorang tadi telah pun dikaji dan diteliti oleh pegawai-pegawai tingginya.

Tetapi apabila yang di"appointed by the Minister" dalam pandangan saya maka betiau adalah mengambil keputusan dahulu alaupun dengan dirinya beliau mengambil keputusan mengkajikan orang-orang yang boleh dilantik dan seterusnya akan membuat keputusan ataupun melantiknya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya kalau menggunakan cara yang kedua iaitu 'appointed by the Minister' tadi kita tahu bahawa Yang Berhormat Menteri ini memang banyak tugas, maka mungkin perkara yang sebegini iaitu terlibat mengenai pencen oleh balu dan anak yatim mungkin tidak menjadi satu priority kepada dia, mungkin ada isu-isu negara yang begitu hebat ataupun mendapatkan perhatian dia jadi perkara ini terpencil ataupun put aside, dengan izin. Oleh yang demikian perlamikan itu akan lewat mungkin sehari, dua hari mungkin sebulan dua bulan ataupun secara adjuration setahun, jadi apa yang terjadi dalam pengurusan ini tadi.

Jadi, dalam aspek ini saya ingin juga meminta apakah sebenarnya cujuan pindaan ini? Adakah ini untuk mempercepatkan, untuk memberi perkhidmatan yang lebih berkesan ataupun disebaliknya ataupun apakah dia sebenarnya?

Tuan Yang dirPertua, mengenai perkara yang seterusnya iaitu pindaan seksyen 32A di mana berbunyi "Ordinan" ini dipinda dengan menggantikan seksyen 32A dengan seksyen yang berikut iaitu yang berbunyi:

> "32A. Minister may from time, to time on the recommendation of the Board, revise the rates of pensions payable under ihis Ordinance".

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pindaan ini adalah begitu baik,sesuai; tetapi saya kurang pasti juga sekiranya tujuannya adalah untuk menentukan bahawa yang diedar ataupun kadar itu adalah untuk menentukan keselesaan hidup balu dan anak yatim atau mereka yang telah mencarum ini tadi maka itu adalah baik ataupun sangat prihatin oleh pihak minister ataupun menteri dan kerajaan kita. Tetapi kalau sekiranya disebaliknya iaitu revision tadi adalah untuk menentukan menjimat wang yang dibeh kepada mereka, sehingga mereka tidak mendapat cukup untuk perbelanjaan, jadi saya rasa ini adalah kurang sesuailah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pandangan-pandangan itu saya sekali menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Datuk Mohamed Nazri.

4.24 ptg.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga berdiri untuk menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Seiiausaha Parlimen sebentar tadi. Berkenaan dengan rang undang-undang ini ada dua perkara yang saya hendak bangkitkan secara khusus, pertamanya sudah tentulah iaitu apabila kita mengadakan pindaan kepada rang undang-undang ini ialah untuk memperkemaskan rang undang-undang ini dan juga saya percaya ialah untuk memberikan khidmat yang lebih baik daripada masa-masa yang lepas.

Saya bersetuju dengan rakan saya sebentar tadi Yang Berhormat Tuan Ding Seling yang mengatakan khidmad yang diberikan oleh jabatan ini haruslah baik dan juga kemas dan licin dan efficient kerana kita tahu bahawa balu dan anak yatim merupakan orang-orang yang sememangnya memerlukan kepada pertolongan daripada pihak kerajaan sebaik sahaja suami mereka telah meninggal dunia. Oleh kerana-mereka merupakan golongan yang saya kiralah kanak-kanak dan juga isteri-isteri ini merupakan orang yang mungkin setengah daripada mereka sebahagian besar adalah orang yang tidak mempunyai pendidikan, sudah tentu mereka tidak tahu cara mana untuk mendapatkan bantuan dan pertolongan daripada jabatan berkenaan, sebab itu jabatan ini penting.

Saya menyebut perkara ini ialah kerana arwah bapa saya dahulu pun dia merupakan seorang pegawai kerajaan yang telah berpencen dan di waktu ketika beliau telah menmggal dunia, saya pun masih kecil pada ketika itu dan saya sendih pun tidak tahu iaitu bapa saya mempunyai pencen, arwah emak saya berhak menuntut pencen hasil daripada caruman yang telah dibuat oleh arwah bapa saya.

Jadi, ianya kira-kira enam bulan setelah perginya arwah bapa saya, barulah kami tahu dia boleh mendapat pencen. Dan bukan sahaja dia tetapi juga kalau ada anak-anak yatim yang cacat, mereka juga berhak untuk mendapat pencen. Ini dahulu, saya tidak tahu buat masa sekarang sebab ada seorang adik beradik saya yang tidak sempurna akalnya dan dia dapat pencen tetapi yang lain tidak mendapat pencen.

Jadi, ini semua kila tidak tahu dan di waktu ketika kematian bapa kila, kita tidak tahu tentang perkara ini. Dan akhirnya enam bulan baru dapat tahu. Selepas enam bulan bani dapat tahu dan baru hendak proses, setahun kemudian baru dapat pencen. Jadi, ini sebab saya kira balu dan anak yatim ini merupakan golongan yang harus kita bantu. Sebab itu perkhidmatan yang hams kita berikan oleh jabatan yang bertanggungjawab mengenai pencen balu dan anak yatim ini, mestilah merupakan satu jabatan yang proaktif supaya mereka dapat memberikan bantuan yang sebenarnya sepertimana yang diharapkan oleh kerajaan di bawah rang undang-undang ini. Kalau kita

memperkemaskan rang undang-undang ini tetapi kita tidak memberikan perkhidmatan yang cekap dan baik, saya kira tujuan untuk mengadakan rang undang-undang ini untuk membantu balu dan anak yatim tidak akan tercapai. Sebab itu sayadalam menyokong pindaan Rang Undang-undang ini, saya mengharapkan iaitu supaya perkhidmatan yang diberikan oieh jabatan ini hendaklah dipertingkatkan lagi.

Soal yang kedua, ini juga berkenaan dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh rakan saya sebentar tadi iaitu Perkara 5 berkenaan dengan 32A dalam bahasa Inggerisnya, "The Minister may from time to time on the recommendation of the Board, revise the rates of pensions payable under this Ordinance".

Say a setuju dengan peruntukan ini cuma apa yang saya rasa ialah oleh kerana kita hendak membantu balu dan anak yatim ini perkataan 'from time to time' ini terlalu longgar (too loose), maknanya kalau 10 tahun pun kalau tak revise balu-balu dan anak yatim pun tidak menyuarakan dan harga barang pula naik maka kerajaan tak perlu ataupun mungkin terlupa, tidak revise kembali maka mereka mempunyai defence di mana mereka kata mengikut Akta ini 'from time to time'. 'From time to time' can mean anything. 'From time to time' it can mean setahun sampai ke20 tahun.

Siapa yang hendak menyuarakan masalah yang dihadapi oleh balu dan anak-anak yatim ini? Kalau sekiranya pencen yang diberikan ini lidak mencukupi untuk menyara hidup mereka pada tiap-tiap bulan. Ke mana mereka hendak mengadu? Mereka tidak tahu, tidak ada persatuan balu ataupun persatuan anak-anak yatim untuk membela nasib mereka, seperti persatuan sekerja. Persatuan sekerja, kalau inflasi naik dan harga barang naik mereka mempunyai persatuan untuk membela. Tetapi siapa yang hendak membela balu ini? Siapa yang hendak membela anak-anak yatim ini? Dan mereka pun, saya percaya, kadangkala tidak tahu ke mana mereka hendak menyuarakan masalah mereka.

Timbalan Yang di-Pertua: Yayasan Anak Yatim, ada.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Boleh juga - Yayasan Anak Yatim, tetapi balu macam mana - Yayasan Balu? *(Ketawa)* Jadi....

Tirabalan Yang di-Pertua: Yayasan Balu.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu satu cadangan yangbaik. Maknanya di sini memang tujuan kerajaan itu baik, iaitu kita mahu revise the rates of pensions, tetapi itu pun kalau kita letak perkataan "The Minister may every five years, on the recommendation of the Board, revise the rates of pensions payable under this ordinance". Jadi, kalau sebut khusus satu figure - 5 tahun, maknanya "must" - every 5 years, mesti revise. Kalau tidak, Minister boleh menjawab bahawa "for the first from time to time", can mean - tidak semestinya revise ini. Nombor dua, dia kata kalau Board tidak rekomen - saya tidak revise, jadi, maknanya semua boleh, seolah-olah peruntukan ini untuk memberi ruang kalau sekiranya kita lalai dalam tanggungjawab kita.

Sebab itu kalau kita benar-benar mahu melihat supaya balu dan anak yatim ini, balu yang mana suaminya telah memberikan perkhidmatan yang baik dan cemerlang kepada kerajaan, anak-anak yatim, yang mana bapa mereka pun telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada kerajaan, mereka ini harus kita jaga.

Sebab itu saya rasa kita mesti letak figure - Minister may every five years - maknanya 5 tahun itu tentu revise, soal naik atau tidak haik, itu soal kedua, tetapi yang penting every 5 years kita kena revise. Jadi, saya ingin menyampaikan

pandangan inikepadapihakkementerian sama ada boleh atau tidak untuk difikirkan bagi menentukan supaya suatu waktu yang khusus dimasukkan daripada kita letak "daripada semasa ke semasa".

Tuan Yang di-Pertua, perkara umum, berkenaan dengan soal balu dan anak yatim ini. Saya telah difahamkan bahawa pencen yang diberikan kepada balu dan kepada anak yatim ini - kalau saya tidak betul, saya minta maaflah - pencen ini akan terhenti apabila balu berkahwin semula. Jadi, saya percaya dari segi pandangan logiknya memanglah, iaitu kerajaan akan memberi pencen kerana balu itu tidak ada sumber kewangan dan apabila dia berkahwin, maka hentikan. Tetapi kerajaan kena ingat juga, kadang-kadang kah win ini merupakan satu perkara yang 'chances', maklumlah - balu. Saya ingin bertanya apabila balu itu berkahwin, kemudian dia bercerai.....

Timbalan Yang di-Pertua: Chances itu apa?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Maknanya, she takes a chance - kadangkala kalau balu itu muda, takkanlah kita ingat sampai tua dia tidak kahwin, katakanlah seorang pegawai kerajaan itu umur dia 50 dan isterinya umur 30, dia meninggal dunia. Isterinya 30 tahun, adakah dia tidak akan kahwin?

Timbalan Yang di-Pertua: Itu maksudnya. Bukan bermaksud apabila sudah berkahwin itu depend pada 'chances' pula.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, itu maksudnya. Maknanya kahwin ini 'is taking achance*, jadi.bagi seorangbalu, maklumlah umur 30 tahun, anak ada dua tiga orang yang memerlukan kepada teman hidup dan katalah dia mengambil pilihan untuk berkahwin. Apabila dia berkahwin, maka kitahentikan - okay, fair - tidak mengapa, kita hentikan. Tetapi, marriage is a chance, dengan izin, katalah setelah dia berkahwin. setahun selepas itu dia bercerai, jadi, maknanya, apakah dia tidak boleh di continue' balik pencen ini. Apakah pencen balu ini hanya diberikan apabila dia tidak berkahwin telapi apabila dia berkahwin - stop, habis. Apa hendak jadi kepada balu itu selepas dia bercerai - itu tidak lagi menjadi masalah kita. Dia sudah membuat pilihan hendak kahwin. Ini seolah-olah macam kita menghukum orang yang hendak berkahwin.

Timbalan Yang di-Pertua: Macam optionlah.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, macam option. Kalau kita lihat dari segi yang lebih serius, mungkin menghukum. Kita membehtahu kepada balu, you hendak pencen, you jangan kahwin. Mungkin dia bersekedudukan, kita menggalakkan dia bersekedudukan, sebab dia hendak mendapat pencen. Ini kita kena ingat bahawa balu yang mendapat pencen ini bukan semuanya orang Islam ada juga yang bukan Islam. Soalnya di sini, mungkin sesetengah pihak merasakan bahawa bersekedudukan itu, okay - they have not married, because if I get married Ilose mypensionJadi,kitamenggalakkan orang bersekedudukan. Ini saya rasa satu perkara yang kita hams ambil kira, sebab kita Iebih.....ada pertukaran.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat)*

Sebab apa sebenamya tujuan diadakan Rang- Undang-undang ini? Tujuan diadakan rang undang-undang ini adalah untuk memelihara balu dan anak yatim. Sebab itu saya rasa kalau sekiranya seseorang balu itu berkah win semula kita boleh hentikan pencen itu kerana dia sudah bersuami dan selagi dia bersuami kita tidak perlu bayar, tetapi kalau sekiranya sesuatu berlaku kepada dia, setelah satu atau dua cahun dia bercerai, maka saya kira dia berhak untuk mendapat pencen itu semula, sebab ketika dia berkahwin dengan suaminya yang

pertama, mereka bercerai mati. Jadi, dengan sebab itu, kepada saya, kita harus fikirkan supaya Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim ini adalah untuk memelihara balu dan anak yatim dan kita harus fikirkan bahawa kalau sekiranya memang ada dasar bahawa pencen itu diberhentikan apabila mereka berkahwin, maka saya hendak cadangkan, kalau sekiranya berlaku perceraian selepas itu, kita kena teruskan kembali pencen yang telah diberikan kepada balu itu.

Itu soal balu, bagaimana pula soal anak yatim? Apa dosa dia? Yang kahwin emak dia. Tetapi bila emak dia kahwin dan emak dia bercerai, dia tidak dapat pencen - anak yatim ini. Inipun kita hendak kena fikir juga bahawa dalam soal menghentikan pencen kepada balu kerana balu itu berkahwin, balu tidak pernah tanya kepada anak-anak dia - saya hendak kahwin. Anaknya tidak ada hak. Dia berkahwin anaknya pun tidak mendapat pencen, selepas itu bila ibunya bercerai, anaknya pun tidak mendapat pencen. Kita hendak menjaga anak dia. Kita adakan rang undang-undang ini adalah untuk menjaga kepentingan balu dan anak-anak yatim dan saya kira bahawa kita adalah tidak menjaga kepentingan anak-anak yatim kalau sekiranya, apabila ibunya bernikah iaitu balu-ini tadi, dan apabila balunya bercerai balik, anak yatim ini tidak diberikan dan diteruskan pencennya.

Jadi, oleh sebab itu, walaupun ia tidak menjurus kepada rang undang-undang ini, tetapi secara umumnya saya ingin supaya dipertimbangkan kerana tujuan asal untuk kita mengadakan suatu rang undang-undang bernama Akta untuk meminda Ordinan Balu dan Anak Yatim ini ialah untuk menjaga kepentingan balu-balu dan anak-anak yatim ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah pandangan saya dan saya sekali lagi menyatakan bahawa saya menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya tiada yang hendak berucap, saya minta kementerian menjawab.

4.40 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan membuat cadangan bersabit dengan Rang Undang-undang yang kita sedang bincangkan sekarang. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Hanipah Ahmad, Tuan Ding Seling dan Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri yang baru bercakap tadi.

Ada beberapa perkara yang telah disentuh. Yang pertama, Yang Berhormat Tuan Hanipah menyokong Rang Undang-undang ini, saya ucapkan terima kasih. Kepada Yang Berhormat Tuan Ding Seling, ada beberapa perkara yang disentuh mengenai berbagai isu mengenai kebimbangan mengenai jumlah ahli-ahli lembaga yang akan dilantik. Sebenarnya untuk makluman Dewan ini, Rang Undang-undang ini dibentang, dipinda adalah bertujuan untuk mengemaskinikan segala pentadbiran pencen balu dan anak-anak yatim di bawah Ordinan Pencen Balu dan Anak-anak Yatim kerana didapati bahawa beberapa kelemahan ada dalam undang-undang induk yang dirasakan perlu kita perbaiki supaya ianya lebih berkesan dan memberi makna kepada pihak yang berkenaan.

Maka satu pindaan adalah untuk menambahkan ahli lembaga dan yang paling penting sekali ialah untuk mentafsirkan sesiapa yang harus duduk sebagai ahli lembaga. Sebelum ini, ahli-ahli lembaga boleh dilandk oleh pihak berkenaan dengan tidak digariskan kelayakan mereka ataupun jabatan-jabatan yang mereka wakili. Dalam pandangan kerajaan, ini perlu diperbaiki dan apa yang berlaku adalah kerajaan bercadang untuk menentukan sesiapa yang duduk sebagai ahli lembaga yang akan ditubuhkan ialah pihak yang ada berkaitan

dengan masalah pencen dan pembayaran dan juga kita menentukan wakil pihak yang berkenaan juga ada duduk dalam lembaga.

Saya yakin, pihak lembaga ini adalah kebanyakannya mengums mengenai dasar. Saya yakin bahawa mereka ini tidak akan menimbulkan masalah ataupun melambat-lambatkan apa-apa perkara yang akan memudaratkan balu dan anak yatim yang berkenaan.

Mengenai seksyen 3, begitu juga kita sepertimana yang dikatakan terlebih awal, tujuan sebenarnya ialah untuk mengemaskinikan segala peniadbiran pencen kepada balu dan anak-anak yatim ini. Oleh yang demikian, kita berharap dengan perlantikan pegawai-pegawai yang berkenaan, ianya juga tidak akan menghalang bahawa pentadbiran akan dijalankan dengan lebih aktif dan perkhidmatan diberi kepada pihak yang berkenaan diharapkan lebih bermakna dah masa ke semasa.

Mengenai seksyen 7, saya rasa ini jelas kerana apa yang berlaku sekarang adalah "actuary" diambil secara dipinjam dan mereka tidak dilantik sebagai pegawai tetap. Oleh yang demikian, maka kerajaan berpendapat bahawa ada perlu untuk kita melantik seorang aktuari. Menteri diberi kuasa dan saya percaya menteri apabila dia menjalankan tugas untuk melantik pegawai yang berkenaan, beliau pasti akan menentukan mereka itu adalah layak untuk menjalankan tugas.

Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri tadi menimbulkan berbagai perkara. Kita juga berterima kasih kepada beliau kerana memberi sokongan, memberi pandangan dan cadangan supaya Jabatan Pencen ini akan lebih proaktif untuk memberi perkhidmatan yang lebih cekap dan lebih baik. Ini memang dasar kerajaan kita untuk meningkatkan perkhidmatan semua jabatan kerajaan termasuk Jabatan Pencen supaya ianya dapat dan mampu memberi perkhidmatan yang lebih cekap dan lebih baik dari masa ke semasa untuk semua rakyat.

Mengenai pindaan seksyen 32A yang dikhusus kepada perkataan "from time to lime" bahawa pencen ini akan diulangkaji, dengan izin, beliau tidak bersetuju dengan perkataan itu tetapi setakat sekarang, dalam pandangan kerajaan kila boleh meniafsirkan "from time to time" dengan keperluan semasa. Kerajaan Barisan Nasional kita memang sentiasa peka dan prihatin mengenai masalah-masalah pihak-pihak yang berkenaan khasnya kepada balu dan anak-anak yatim, maka dengan ini saya ingin memberi jaminan di sini baha wa kerajaan tidak akan lalai mengenai perkara ini, oleh itu kita mengemaskinikan undang-undang ini supaya ia dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada balu dan anak yatim.

Mengenai pencen kepada balu yang kemudian berkahwin, perkara ini memang sentiasa ditimbulkan bukan sahaja di dalam Dewan ini, di luar Dewan pun banyak perkara ini ditimbulkan tetapi bagi kerajaan yang jelas adalah apabila balu berkahwin semula, dan kita berharap suami dia bertanggungjawab untuk menjaga dan oleh itu pencen itu akan ditarik tetapi pencen itu akan diberi juga kepada anak-anak yang layak menerima. Oleh itu, untuk makluman Yang Berhormat, pencen itu tidak hilang dan sebenarnya anak itu layak untuk menerima pencen itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhonnat yang telah memberikan pandangan dan pada perkara-perkara yang saya tidak jawab di sini, ianya akan diambil perhatian oleh kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Penua *mempengerusikan Jawatankuasa)*

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM (SARAWAK) (PINDAAN) 1994

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undangbemama suatu Akta untuk meminda Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim, Sarawak dibacakan bagi kali kedua.

Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim, Sarawak digubal bagi menubuhkan Kumpulan Wang Pencen Balu dan Anak Yatim, Sarawak dan membuat peruntukan untuk pembayaran pencen bagi balu-balu dan anak-anak yatim pencarum-pencarum yang terdiri daripada pegawai- pegawai awam di Sarawak yang meninggal dunia. Ordinan berkenaan telah berkuatkuasa pada 1 Januari 1950. Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak)(Pindaan) 1994 yang dicadangkan inibertujuan untuk meminda Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim, Sarawak bagi mengemaskini Ordinan berkenaan. Di antara pindaan-pindaan yang dicadangkan untuk dimasukkan di dalam ordinan tersebut adalah sepeni berikuL

Pertama ialah menjelaskan keanggotaan Lembaga Pengurusan Kumpulan Wang Pencen Balu dan Anak Yatim, Sarawak. Kedua ialah memberi kuasa kepada menteri yang bertanggungjawab bagi pencen untuk melantik aktuari bagi menjalankan penilaian ke atas Kumpulan Wang Pencen Balu dan Anak Yatim, Sarawak.

Cadangan ketiga ialah untuk membolehkan menteri yang bertanggungjawabbagipencenmenyemak semula kadar pencen yang kena dibayar di bawah Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim, Sarawak dari masa ke seraasa atas syor Lembaga Pengurusan Kumpulan Wang Pencen Balu dan Anak Yatim, Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, berikut adalah peri hal mengenai pindaan-pindaan yang dicadangkan. Pindaan Seksyen 2. Seksyen 2 dicadangkan dipinda dengan memansuhkan takrif "actuary" berkenaan tidak lagi penting berikutan pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 7. Seksyen 2 juga bertujuan mengadakan takrif bagi istilah "local pensions authority" dan "Minister" kerana istilah-istilah ini digunakan dalam beberapa peruntukan dalam Ordinan berkenaan.

Istilah "local pensions authority" ini mentakrifkan, sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehny a secara bertulis untuk bertindak bagi pihaknya. Istilah "Minister" mentakrifkan sebagai menteri yang pada masa ini bertanggungjawab bagi pencen.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan seksyen 3. Seksyen 3 dicadangkan dipinda untuk menjelaskan keanggotaan Lembaga

PengurusanKumpulanWangPencenBalu dan Anak Yatim, Sarawakdan memastikan Lembaga tersebut dianggotai oleh wakil jabatan-jabatan yang relevent. Pindaan berkenaan mencadangkan Lembaga Pengurusan Kumpulan Wang tersebut terdiri daripada anggota seperti berikut:

(i) Pihak berkuasa pencen tempatan akan menjadi Pengerusi;

(ii) 2 orang pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia yang akan dilantik oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;

(iii) seorang pegawai daripada Jabatan Ketua Menteri yang akan dilantik oleh Setiausaha Kerajaan Negeri;

(iv) 2 orang pegawai dari Jabatan Perbendaharaan Negeri yang akan dilantik oleh Ketua Jabacan berkenaan; dan

(v) sekurang-kurangnya seorang ahli yang mewakili kepentingan pencarum-pencarum yang akan dilantik oleh menteri yang berkenaan.

Dua subseksyen dicadangkan dimasukkan selepas subseksyen (2) kepada seksyen 3 iaitu subseksyen (2A) dan (2B). Subseksyen-subseksyen itu masing-masing bertujuan untuk memberi penjelasan, mengambil tempoh ahli-ahli Lembaga Pengunisan Kumpulan Wang Pencen Balu dan Anak Yatim, Sarawak memegang jawatan masing-masing dan kuasa Lembaga Pengurusan untuk melantik seorang Setiausaha yang akan bertanggungjawab untuk membantu Lembaga Pengurusan dalam pentadbiran kumpulan wang tersebut.

Di bawah peruntukan subseksyen berkenaan yang dicadangkan, ahli-ahli Lembaga Pengurusan hendaklah memegang jawatan tersebut untuk suatu tempoh sebagaimana yang di tetapkan oleh pihak berkuasa melantik berkenaan seperti yang ditetapkan di dalam subseksyen (2) yang dicadangkan itu.

Tuan yang di-Pertua, seksyen 7 dipinda untuk memberi kuasa kepada menteri yang bertanggungjawab bagi pencen untuk melantik aktuari bagi menjalankan penilaian ke atas Kumpulan Wang Balu dan Anak Yatim, Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua,subseksyen(35A) dicadangkan dipinda untuk membolehkan menteri yang benanggungjawab bagi pencen menyemak semula kadar pencen yang kena dibayar di dalam ordinan berkenaan dari semasa ke semasa atas syor Lembaga Pengurusan Kumpulan Wang Pencen Balu dan Anak Yatim, Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim, Sarawak; dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormal Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz.

457 pig.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi saya berdiri untuk membahas usul ini dan juga memberi sokongan kepada rang undang-undang ini.Tiga perkara yang hendak saya bangkitkan, satu khusus kepada pindaan dan duanya secara umum.

Pertamanya, berkenaan dengan Board of Managemeni iaitu badan yang akan

menguruskan dana ini seperti dalam seksyen 3(a), dengan izin—

"(2) The Fund shall be administered and controlled by a Board of Management comprising—

(a) the iocal pensions authority, who shall be the Chairman;"

Saya ingin bertanya, bahawa dalam perkataan "the local pensions authority", sebenarnya siapakah yang akan menjadi Pengerusi ini kerana kalau kita lihat subseksyen *(2)(b), (c), (d)* dan *(e),* semua menunjukkan bahawa dua pegawai—two onicers daripada Public Service Department, one officer from the Chief Minister*s Department, two officers from the State Treasury. Tetapi apabila tentang the Chairman ini, dia cuma sebut "local pensions authority". Jadi, siapakah sebenamya yang telah dihajatkan oleh Akta ini untuk mempengerusikan Board of Management ini?

Saya kira bahawa oleh kerana jawatan Chainnan of the Board of Management ini bukan satu jawatan yang penting, kita harus mengkhususkan *(a)* itu kepada "the Chairman of the local pensions authority" ataupun Pengarah. Kita harus sebut jawatan' orang yang dikehendaki dan dihajati untuk menjadi Pengerusi kepada badan pengurusan ini. Tetapi kalau kita cuma sebut sahaja "local pensions authority", itu umum. Apa kata kalau sekiranyakitahanyahantarjuniorofficer? Junior officer dalam local pensions authority untuk menjadi Chairman kepada Board of Management ini yang ramai daripada mereka ini terdiri daripada officers badan-badan berkenaan.

Jadi, jawatan Pengerusi ini merupakan satu jawatan yang penting. Saya rasa adalah lalai dan cuai bagi pihak kita kalau kita hanya menyebut "the local pensions authority" dan tidak menyebutkan orang yang berjawatan apakah yang patut menjadi Pengerusinya. Saya juga merasa begitu - mengapa kita tidak boleh menyebut? Saya tidak tahu macam mana struktur local pensions authority ini. Adakah yang paling atas itu Pengarah atau dipanggil Presiden ataupun dipanggil Chairman.

Tetapi, bagi menghormati badan pengurusan ini, kita kena pastikan masuk di dalam Akta ini bahawa kita mahukan "the Chainnan of the local pensions authority shall be the Chairman ataupun the Directorof the local pensions authority shall be the Chairman." Kila kena sebut! Kalau tidak, mengikut Akta ini, kita boleh hantar siapa sahaja sebab yang menjadi Chairmannya ialah local pensions authority dan dla tidak menyebut siapa! We can send junior officer to chair the Board of Management!

Jadi, bagi pandangan sayalah bahawa ini adalah satu perkara yang tidak lengkap. Sebab bagi yang lain kita menyebut "officers" tetapi bagi yang ini kita tidak menyebut apakah orang yang memegang jawatan dalam local pensions authority itu yang sepatutnya menjadi Chairman.

Jadi, saya minta kepada pihak kememerianuntukmenunjukkanbahawa Board of Management ini mempakan satu badan yang penting, yang prestij, kita harus mengkhususkan di dalam local pensions authority ini siapakah yang sepatutnya menjadi Chairman of the Board of Management.

Berkenaan dengan perkara umum—dua perkara. Saya tidak tahu bilakah undang-undang induk ini telah diwujudkan. Mungkin dalam tahun 50ankah, 60ankah. Sebab daripada tajuk rang undang-undang ini ataupun Akta itu sendiri, saya merasa ia sedikit diskriminasi—Akta Pencen, Balu dan Anak Yalim. Tetapi pada hari ini hakikat yang sebenarnya yang kita iihat dalam negara kita ini yang menjadi pegawai-pegawai tinggi dan rendah dan ramai datam perkhidmatan awam ini terdiri daripada orang-orang perempuan atau wanita yang mereka pada hari ini kita lihat bukan sahaja menjadi pegawai-

pegawai di peringkat menengah tetapi ada juga yang menjadi pegawai-pegawai tinggi dan mereka sekarang ini menjadi kakitangan kerajaan. Jadi, saya ingin bertanya oleh kerana Akta ini Akta Pencen Balu dan Anak-anak Yatim, apakah kalau sekiranya pegawai keiajaan itu merupakan seorang perempuan, kalau dia meninggal dunia, maka dudanya tidak berhak untuk mendapat pencen di bawah Akta ini. Saya tidak tahu. Mungkin telah diamalkan kalau sekiranya ada seorang pegawai wanita yang telah meninggal dunia, maka suaminya mendapat pencen, saya tidak tahu. Tetapi kalau mengikut Akta ini, menggunakan perkataan "balu" itu bermakna duda tidak berhak untuk mendapat pencen kerana Akta ini ialah Akta Pencen Balu dan Anak Yatim.

Jadi, saya rasa.....

Seorang Ahli: Kita hendak juga rasa.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Suami juga kalau kehilangan isterinya, berhak juga kalau isterinya meninggal dunia, dia berhak juga untuk mendapat pencen. Kalau tidak, bermakna bahawa dunia ini masih lagi sexist, masih lagi diskhminasi terhadap wanita. Seolah-olah wanita tidak layak untuk menjadi pegawai dalam kerajaan, Kalau saya menjadi seorang wanita saya saman kerana ini seolah-olah menunjukkan very' discriminatory. The Act alone is very discriminatory, dengan izin. The name, the title. Ini discriminate. Ini seolah-olah it is a man's world. Pegawai kerajaan mesti lelaki. Sebab itu cuma ada Akta Balu dan Anak Yatim. Saya percaya.....setuju Ahli Yang Berhormat ya? Ya, it is true.

Seorang Ahli: Kalau isteri dua atau tiga?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat tanya isteri dua tiga. Saya susah hendak jawab itu. Saya hendak bincang tentang ini sahaja. Saya rasa title ini sexist—very discriminating.Maknanya ia menunjukkan iaitu seolah-olah bahawa wanita tidak layak untuk menjadi pegawai..Sebab itu ia cuma ada Akta ini. Ini seolah-olah sebenarnya ialah untuk tidak menggalakkan orang perempuan bekerja dengan pegawai kerajaan. Sebab kalau saya ada isteri....memang saya ada isteri pun. Bukan "kalau". Kalau isteri saya bekerja sebagai pegawai kerajaan, Saya kata I don't want you to work sebab tidak ada satu Akta yang melindung saya kalau you meninggal dunia. Whereas kalaukerja dengan private sector ada imbuhan-imbuhan tertentu yang saya boleh dapat.

Jadi, sebab itu saya rasa Akta ini sudah "out-dated" dan saya rasa harus dicah satu nama yang baru di mana Akta ini juga melindungi suami-suami yang mana isteri mereka merupakan pegawai kerajaan dan meninggal dunia. Saya boleh beri statistik iaitu banyak sekarang ini kakitangan kerajaan yang handal-handal, yang hebat-hebat semua wanita. Di sini sahaja kita tengok sudah berapa ramai. Kasihanlah suami mereka. Syarat sama juga. Kalau suami kahwin lagi, jangan beri pencen. Syarat itu kena samalah. Di bawah Akta ini kalau balu ilu kahwin diberhentikan pencen. Jadi begitu juga untuk memberikan ketenangan kepada wanita kita yang bekerja dengan perkhidmaian kerajaan. Sebabkadangkala kita sudah mati pun kila fikirjuga. "Kalau aku mati balu aku dapat duit, dia kahwin pun bakal suami baru dia dapat duit". Macam-macam kita fikirkarff

Jadi, apa yang saya hendak menyebutkan di sini iaitu Akta ini out-dated. Kita mesti pinda titlenya, nama kepada Akta ini sapaya juga memasukkan "duda"—Akta Pencen Balu, Duda dan Anak Yatim. I think that is fair. Sayarasa itu adil. Sebab sekarang ini dunia kita di Malaysia semua sudah sama, daripada segi kebolehan untuk bekerja. So we have to be fair. Duda ini hilang isterikah? Tetapi tidak apalah, saya minta kementerian jawab.

Saya tidak tahu apa nama orang lelaki yang isterinya mati. Saya tidak tahu. Saya rasa balu kalau suaminya meninggai dunia. Janda kalau ia bercerai. Tetapi kalau lelaki yang isterinya meninggal dunia, yang menjadi pegawai kerajaan kita tidak tahu hendak panggil apa. Tetapi kalau duda, dudalah. Maknanya duda. Jadi, Akta ini harus dinamakan Akta Pencen Balu, Duda dan Anak Yatim. Sebab ini barulah menunjukkan keadilan dan kita mengiktiraf iaitu bahawa di negara kita kita tidak kira apakati jenis jantinanya, tetapi asalkan dia ada merit, dia berkebolehan, maka dia berhak untuk menjadi pegawai kerajaan. Itu pertama.

Yang keduanya, saya ingin bertanya berkenaan dengan pegawai-pegawai kerajaan yang beragama Islam. Kita tahu kita boteh mengambil anak angkat iaitu seorang kanak-kanak yang kita ambil mereka untuk menjadi anak kita sendiri dan kita pergi ke pejabat agama dan kita mendaftarkan dia sebagai anak kita. Daripada semua aspek ia merupakan anak kita. Tetapi kita tahu iaitu di bawah hukum faraid, anak-anak yang tidak merupakan hasil daripada perkahwinan di antara suami dan isteri dia tidak berhak untuk menerima apa-apa juga harta peninggalan oleh ibu dan bapanya kalau dia tidak merupakan anak hasil daripada perkahwinan.

Jadi, saya ingin bertanya iaitu kalau sekiranyalah kita meninggal dunia dan kita mempunyai anak-anak yang dianggap sebagai anak angkat. Maka macam manakah kedudukan mereka? Apakah dia berhak untuk mendapat pencen ataupun jika dianggapkan oleh kerana pencen itu datangnya selepas kematian kita dan ianya merupakan harta simati, maka dia tidak berhak untuk mendapat pencen. Jadi, saya ingin tahu centang perkara ini kerana saya kira ini adalah satu perkara yang penting yang harus kita putuskan berkenaan dengan soal anak yang telah kita terima sebagai anak kita tetapi bukan hasil perkahwinan di antara kita dengan isteri kita. Maka dengan itu saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ding Seling.

5.08ptg.

Tuan Ding Seling: Terimakasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk bangun uncuk menibahaskan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim, Sarawak.

Pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan bahawa saya sokong cadangan rakan saya Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz. Komen beliau tadi yang pertama mengenai seksyen *3(a)* iaitu mengenai lantikan Pengerusi. Kerana apabila saya memikirkan sebagai seorang dari Sarawak juga, biasanya pegawai yang menguruskan ataupun pegawai meja (desk officer) yang menguruskan hal-hal pencen di dalam pejabat itu adalah seorang yang walaupun memang tahu, memang pakar dalam tugasnya dan pegawai atasannya iaitu bossnya, dengan izin, memang tahu juga tetapi mungkin tidak begitu fasih mengenai semua aspek tugas-tugas mereka.

Jadi, sekiranya dirasai yang tahu semua, segala aspeknya itu ialah pegawai meja tadi akan mempengerusikan Lembaga ini, saya rasa adalah kurang sesuai kerana mereka yang dilantik dari jabatan-jabatan yang lain mungkin terdiri daripada pegawai-pegawai yang tinggi dan dalam mesyuarat-mesyuarat mereka mungkin kurang selesa ataupun ada keadaan yang agak tegang. Jadi, perkhidmatan yang mereka beri mungkinlah tidak begitu baik.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin komen lagi mengenai *3(e)* yang berbunyi, "at least one member representing the interest of the contributor to be appointed by the Minister."

Tuan Yang di-Pertua, dalam fikiran saya, yang sangat sesuai mewakili orang

yang mencarum tadi adalah pegawai daripadapejabatnya sendiri ataupun bekas pejabatnya. Misalnya dari pejabat pendidikan ataupun pejabat-pejabat di mana beliau, mendiang atau yang telah meninggal itu, bertugas dahulu. Tetapi di sini nampaknya tidak dinyatakan. la hanya katakan, "at least one member representing the interest of the contributor". Sekiranya yang diwakili itu adalah Wakil Rakyat, apakah yang diketahui atau apakah ia tahu tentang hal-hal pencen ataupun apakah keadaan keluarga itu dia boleh bentangkan kepada Board of Management ini.

Saya sebut begitu oleh kerana banyak juga pegawai-pegawai kita bukan sahaja di Semenanjung ini tetapi di Sabah dan Sarawak yang berkenaan di sini adalah terdiri daripada orang-orang dari tempat pedalaman. Walaupun begitu, sepeni yang kita sedia maklum, rekod perkhidmatan mereka memang sedia ada dengan pejabat-pejabat, jabatan-jabatan masing-masing. Jadi, sekiranya mereka yang dilantik untuk mewakili mereka, balu atau anak yatim tadi adalah orang luar daripada pegawai dari jabatan bekas atau si mati tadi, maka perwakilan itu saya rasa memang tidak ada ertilah kerana dia tidak tahu apa yang telah dilakukan ataupun apakah rekod perkhidmatan kalau ini perlu. Saya rasa ini perlulah kerana mungkin dalam proses menimbangkan perkara-perkara ini memang lembaga ini pasti merujukkan perkara itu (record of service).

Yang keduanya, dengan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyentuh mengenai keberkesanan pengurusan pencen ataupun untuk balu dan anak yatim ini. Ini melibatkan sedikit mengenai perkara yang am di mana pegawai kerajaan tadi mungkin dia meninggal di tempat perkhidmatan yang jauh di tempat-tempat pedalaman, maka laporan sijil matinya mungkin tidak ada, oleh kerana tidak meninggal dekat hospital ataupun tempat di mana seorang doktor boleh mengesahkan dia telah meninggal. Jadi,oleh kerana yang demikian,sekiranya orang lain luar daripada pejabatnya dulu, akan melapor kepada pihak Jabatan Pencen, maka perkara ini perlu juga diteliti semula, mencari bukti-bukti sama ada beliau ini telah mati ataupun tidak ataupun ini satu helah sahaja.

Saya berkata begitu Tuan Yang di-Pertua, kerana pernah dahulu sebagai seorang pegawai kerajaan, pernah berjumpa kes di mana sebenarnya ada seorang pegawai kita yang sudah meninggal tetapi meninggal dalam keadaan kurang diingini. Jadi, kematian seperti itu susah dilaporkan dan hanya dilakukan oleh Penghulu tempatan,apabila Penghulu itu membuat laporan, maka laporan itu terpaksa kita rujukkan kepada pihak polis dan sebagainya. Laporan itu mengambil masa agak lama untuk sampai ke Jabatan Pencen. Apabila semua itu telah pun „' berlaku, masa telah berlalu,sekurang-kuranghya berbulan.

Jadi, inilah aspek yang saya sentuh tadi di mana 3(e) ini tadi iaitu, "at least one member representing the interest of the contributor to be appointed by the Minister", saya rasa ini haruslah ditentukan, menyatakan iaitu ahli ini hendaklah daripada jabatan di mana si mati tadi bertugas supaya yang mewakili ini tadi boleh memberi pengesahan ataupun 'statement' yang tepat ataupun yang sebenamya, supaya tidak ada sebab-sebab tertentu pertimbangan atau pengurusan Lembaga ini yang akan tergendala sehingga pengedaran pencen ladi juga mengambil masa yang agak lama.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta pihak Kementerian menjawab.

5.18ptg.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua-

dua Yang Berhormal yang telah memberi pandangan, Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri dan Yang Berhonnat Tuan Ding Seling yang memberi pandangan mengenai Rang Undang-undang ini. Sebenamya kedua-dua Rang Undang-undang ini adalah serupa hanya yang berbeza adalah antara negeri Sabah dan negeri Sarawak.

Di sini sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa tujuan utama mengadakan pindaan ini adalah untuk mengemaskinikan pentadbiran pencen balu dan anak-anak yatim, mengemaskini dari segi jentera, dari segi keberkesanan dan dari segi kebolehannya untuk menjaga kepentingan balu dan anak-anak yatim supaya mereka ini tidak tertinggal atau terbiar dah segala pembangunan negara.

Yang Berhonnat Datuk Haji Mohamed Nazri tadi menimbulkan beberapa perkara, yang pertama adalah mengenai Management Board. Memang kerajaan pun berpendapat bahawa seseorang Pengerusi hams mampu duduk sebagai seorang Pengerusi iaitu mampu dan layak untuk mengawal keadaan mesyuarat dan boleh menjalankan tugasnya dengan berkesan, Adalah mustahil kalau kita melantikkan seorahg pegawai yang tidak layak, yang junior, yang tidak dapat memainkan peranan sebagai Pengerusi.

Oleh yang demikian, dalam akta ini 'local pensions aulhority' telah pun ditafsirkan sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Kalau kita baca bil ini kita dapat lihat di seksyen 2 Rang Undang-undang, "local pensions authority" means "the Director General of Public Service or any officer authorised by him in writing to act on his behalf". Maka jelaslah di sini bahawa kerajaan menentukan seorang yang layak dapat duduk sebagai Pengerusi.

Mengenai perkara yang kedua, memang kakitangan kerajaan sekarang diliputi oleh Undang-undang Pencen 1980 dan ada peruntukan pencen terbitan kepada duda. Saya berharap Yang Berhormat yang berkenaan tidak khuatir lagi untuk membenarkan isterinya bekerja.

Yang ketiga, perkara yang dibangkitkan adalah mengenai anak angkat sama ada anak angkat boleh ataupun berhak untuk menerima pencen. Di bawah Undang-undang Pencen, anak angkat boleh menerima pencen terbitan di bawah peruntukan undang-undang sekarang.

Yang Berhormat Tuan Ding Seling tadi juga menyentuh mengenai perkara Pengerusi. Itu saya telah jelaskan. Mengenai *3(e)*, iaitu wakil daripada pencarum-pencarum yang duduk di lembaga, pandangan kerajaan itu penting kerana ada keperluan bahawa kepentingan para pencarum-pencarum haruslah sentiasa dijaga. Oleh yang demikian, kerajaan akan melantik seorang pencarum yang layak, yang mampu menjaga kepentingan para pencarum dan boleh mengambil bahagian dalam mesyuarat dan tahu-menahu mengenai apa yang terjadi dalam mesyuarat supaya dia mampu membela nasib para pencarum,

Mengenai perkara yang terakhir yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ladi iaitu mengenai Sijil Mati, saya harap Yang Berhormat dapat bekerjasama dengan kerajaan. Saya tahu Yang Berhormat Tuan Ding Seling adalah seorang pemimpin yang datang dari luar bandar, pedalaman di negeri Sarawak. Jadi, masalah ini mungkin timbul tetapi saya harap Yang Berhormat dapat bekerjasama untuk menjelas dan menerahgkan kepada masyarakat betapa penting, kalau ada satu kematian terjadi, ianya haruslah dilapor dengan serta-merta, secepat mungkin kepada pihak yang berkenaan. Dengan laporan itu, maka sijil dapat dikeluarkan dan berbagai masalah yang mungkin timbul akibat kegagalan kita melaporkan satu kematian dapat dielakkan. Saya minta Yang Berhormat bekerjasama dengan kerajaan mengenai perkara ini.

Dengan ini, itu sahajalah saya jelaskan di sini dan apa-apa perkara yang tidak jelas akan diambil perhatian oleh pihak kementerian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali y ang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa)*

Fasal 2 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN PEMBANGUNAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA (PINDAAN) 1994

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.27 *ptg*.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Datuk S.S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia 1992 dibacakan buat kali kedua sekarang. Di sini, saya memohon memberi penjelasan mengenai pindaan yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda subseksyen 4(1), Akta Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia 1992 supaya bilangan anggota perbadanan atau Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan dapat ditambah. Di bawah Akta yang ada sekarang perbadanan adalah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut

(i) seorang Pengerusi yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri di bawah subseksyen 4(1) Akta Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia;'

(ii) seorang wakil daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri;

(iii) seorang wakil daripada Kementerian Perusahaan Utama;

(iv) seorang wakil daripada Kementerian Kewangan; dan

(v) 6 orang ahli-ahli yang lain yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri,

Melainkan anggota-anggota yang mewakili Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Perusahaan Awam, Yang Berhormat Menteri telah melantik Pengerusi perbadanan dan 6 anggota yang lain dari kalangan sektor korporat mulai 1 hb Mac, 1993 bagi tempoh tidak melebih setahun. Ini adalah bertujuan untuk membolehkan sektor swasta yang mempunyai kepentingan dalam perdagangan luar memberikan pandangan, nasihat dan bimbingan kepada pengurusan perbadanan merangka dan melaksanakan strategi dan program galakan perdagangan luar yang lebih peka kepada keperluan usahawan-usahawan tempatan dan seterusnya membantu mencapal matlamat dasar perdagangan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konsep dan amalan Dasar Persyankatan Malaysia, sektor awam dan sektor swasta memang digalak untuk memupuk semangat

kerjasama yang erat supaya matlamat dan aspirasi negara dapat dicapai dengan cara sebaik mungkin. Dalam usianya yang hanya setahun lebih, Perbadanan ini atau lebih dikenal sebagai MATRADE lelah berusaha memberikan khidmat kepada pengusaha-pengusaba tempatan, menerokai pasaran-pasaran baru di samping cuba mengukuhkan kedudukan daya saing barangan Malaysia di pasaran tradisional.

Tidak dapat dinafikan bahawa ahli-ahli Lembaga Pengarah MATRADE yang ada sekarang telah memberi sumbangan yang berkesan dalam menentukan bahawa MATRADE memberikan khidmat seperti yang diharapkan. Namun demikian, dalam menghadapi suasana perdagangan antarabangsa yang lebih mencabar pada masa hadapan, MATRADE perlu menjalankan aktiviti-aktiviti promosi perdagangan yang lebih luas dan menyeluruh.

Ini adalah untuk menentukan bahawa usahawan tempatan dapat dimaklum dengan lebih berkesan tentang peluang-peluang perdagangan di luar negeri akibat perubahan-perubahan regim perdagangan di destinasi-destinasi pasaran tertentu. Untuk ini adalah difikirkan bahawa'tambahan 2 orang lagi anggota LembagaPengarahMATRADEkhasnya apabila anggota-anggota ini dilantik dari kalangar sektor korporat dapat membantu mencapai hasrat ini.

Tuan Yang di-Pertua.Rang Undang-undang :ini juga bercadang menjadikan Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik di bawah seksyen 21 sebagai Ahli Lembaga Pengarah MATRADE. Ini adalah untuk membolehkan Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab ke atas semua keputusan lembaga dan menyertai secara aktif dalam perbincangan mesyuarat Lembaga Pengarah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan ini ia bermakna bilangan Ahli Lembaga Perbadanan akan menjadi 13 berbanding dengan 10 yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Pindaan) 1994 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka uncuk dibahas. Silakan. Tuan Rahim bin Baba, silakan.

5.32 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membahaskan juga seterusnya menyokong pindaan Akta Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia 1992.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa perdagangan luar negara ataupun international trade telah pun memainkan peranan yang sebegitu ketara terhadap perkembangan ekonomi negara kita, di mana dengan adanya perdagangan luar negara yang meningkat dengan sebegitu pesatnya, negara kita kini telah pun menduduki di tangga yang ke-19 di arena perdagangan antarabangsa dan saya percaya kejayaan ini adalah berkat daripada usaha gigih dahpada Kementerian Perdagangan Antarabangsa yang telah pun berusaha bersungguh-sungguh baik melalui menteri, timbalan menteh, setiausaha parlimen dan juga pegawal-pegawai yang berkenaan. Dan penubuhan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar ini ataupun yang lebih dikenali sebagai MATRADE pada l'/2 tahun yang lalu telah pun memberikan sumbangan yang tidak terhingga kepada negara, sehinggakan negara kita dapat mencapai pertumbuhan ekonomi yang berterusan 8% sejak beberapa tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada cabaran-cabaran yang sedang dihadapi oleh dunia sekarang memang tidak dapat kita nafikan bahawa walaupun kita telah berjaya menduduki tangga yang ke-19 di arena perdagangan antarabangsa, tetapi pada masa yang sama hendaklah kita beringat kerana kita masih menghadapi persaingan-persaingan baru bukan hanya daripada mereka yang celah sedia ada di arena perdagangan antarabangsa ini, malahan negara-negara yang baru menceburi perdagangan ataupun di arena perdagangan antarabangsa ini.

Saya percaya Yang Berhormat alaupun pihak kementerian sedar dengan penyelesaian pusingan Uruguay bani-bara ini, di mana kebebasan perdagangan akan mengakibatkan persaingan yang lebih hebat kepada negara kita. Dan dengan penubuhan pasaran tunggal Eropah dan juga penubuhan NAPTA di mana pada masa ini 20% pada eksport Malay siaadalah kepada negara Amerika Syarikat dan dengan penubuhan NAPTA ini, Mexico akan menjadi saingan utama kepada negara kita dan juga dengan ura-ura penarikan Sistem Keutamaan Am (GSP), saya percaya ianya akan menjadi persaing-persaing hebat kepada negara kita dan diharapkan dengan penubuhan MATRADE ini ataupun dengan Pertubuhan Perbadanan Perdagangan Antarabangsa ini ianya akan dapat membolehkan kita bersaing dengan negara-negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah pun diperjelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, bahawa lebih banyak lagi promosi-promosi perdagangan akan diadakan di luar negara, memanglah tidak dapat dinafikan peranan yang dimainkan oleh perdagangan antarabangsa khasnya daripada sektor perkilangan di mana mengikut anggaran bagi tahun 1994 lebih daripada 48 % kepada KDNK adalah sumbangan daripada sektor ini. Jadi, peranan yang akan dimainkan oleh MATRADE ini kita berharap ianya akan dapat teras memberikan sumbangan terhadappertumbuhanekonomi kitapada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskanRangUndang-undangini, saya ingin menyentuh beberapa perkara, pertamanya dari segi rombongan perdagangan yang dihantar keluar negara.

Saya telah pun dan pernah bercakap dalam Dewan ini, kalau rombongan perdagangan yang dibawa oleh pihak Kementerian Perdagangan kita berharap biarlah rombongan itu merupakan rombongan untuk menjual barang-barang Malaysia, bukannya rombongan yang terdiri dari mereka yang hendak membeli barang-barang dari luar negeri bawa balik ke Malaysia. Kalau yang itu kerana negara kita telah pun terkenal, biarlah mereka itu datang kepada kita, bukannya kita pula hendak membuat satu rombongan hantar ke luar negeri, selepas itu kita berjumpa di sana, kita pula kena mengeluarkan perbelanjaan dan selepas itu kita kena hendak membeli barang dia. Biarlah mereka yang mengikuti rombongan-rombongan perdagangan ini, biarlah mereka yang semata-mata untuk menjual produk-produk dari negara ini, bukannya mereka yang pergi mengikut menteri, mengikut Yang Amat Berhonnat Perdana Menteri ataupun Timbalan Perdana Menteri untuk membeli barang-barang dah negeri lain. Kalau mereka hendak menjual barang-barang kepada negeri lain, biar mereka itu datang ke negara kita, bukannya kita yang heridak pergi ke negara yang berkenaan.

Satu lagi tentang pemilihan mereka yang hendakpergi mengikuti rombongan-rombongan ini, janganlah dibuatkan pemilihan hanya sekadar secara ad hoc, hendaklah dibuat pemilihan - saya tahu mungkin ada pemilihan yang secara terperinci, yang telah pun dikenalpasti mereka yang dari sektor-sektor yang berkenaan, jangan daripada sektor itu terlalu ramai sangat, mungkin dipecah-

pecahkan sektor-sektor yang berkenaan. Oleh kerana mereka ini pergi, saya tahu perbelanjaannya bukanlah sedikit—banyak, perbelanjaan untuk menghantarkan rombongan-rombongan dagang ke luar negara ini. Kita berharap kerajaan akan memberikan subsidi terhadap pemergian mereka ini. Selepas itu, kita dapatkan pula apa-apa feed back daripada mereka, adakan follow-up, jangan setelah sahaja s?,tu rombongan pergi, balik ke negara ini selepas itu tidak ada lagi sebarang follow-up yang dibuat selepas mereka ini sama ada mencapai kejayaan ataupun tidak, sama ada berapa banyak jualan-jualan yang telah pun diperolehi daripadarombongan-rombongan dagang yang telah pun dihantar. Jadi, saya mencadangkan supaya kerajaan memberikan serba sedikit subsidi supaya dapat menampung perbelanjaan yang tinggi ini.

Saya lahu, saya pernah mengikuti rombongan perdagangan ke luar negeri, kadangkala kalau kita atur melalui kementerian, ianya lebih mahal daripada kalau kita atur sendiri, kerana tiket kapal terbang pun yang ada itu dia beri full fare. Pada hal kita sudah ikut schedule itu, mana tempat yang kita hendak pergi, bila kita hendak balik ataupun sebagainya, tetapi apabila kerajaan mengaturkannya, dia suruh kita bayar full fare. Biasanya kalau pergi full fare, kalau pergi ke London sampai RM7.000 - RM8.000 tetapi kalau pergi caia yang mengikut schedule yang telah pun disusun kemungkinan perbelanjannya kurang daripada itu—RM2,000, RM3.000 ataupun RM4,000 sahaja untuk perbelanjaan tiket.

Dengan perbelanjaan yang tinggi ini kita harep kerajaan juga akan dapat memberikan subsidi, bukan subsidi yang berlebihan tetapi ia merupakan bantuan kerana mereka ini pergi adalah mewakili negara, mewakil kerajaan. Walaupun mereka ini menjual produk mereka sendiri dan Yang Berhormat tadi telah pun mengau.kan kita dalam konsep persyarikatan Malaysia, walaupun dia menjual produknya sendiri mendapat keuntungan, tetapi pada masa yang sama mereka ini juga menyumbang kepada dana negara dan negara juga mendapat keuntungan dari segi cukai, juga dari segi pendapatan asing dan juga kemudahan-kemudahan ataupun pendapatan-pendapatan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya berharap ialah supaya Kementerian Perdagangan Antarabangsa ini sepatutnya mereka yang khusus duduk di jabatan ini dan bukannya sesiapa atau mana-mana pegawai sahaja boleh dudukdi situ. Biarlah Jabatan Perdagangan Antarabangsa ini menjadi seperti Jabatan Wisma Putra di mana pegawai-pegawainyamemangtelah mahir dan mereka ini boleh dikatakan menjadi "closed department" supaya mereka yang telah pun dilatih dan telah pun mahir di dalam hal-hal perdagangan antarabangsa ini tidak dipindahkan kepada bahagian-bahagian yang lain.

Jadi, kita dapat menggunakan tenaga-tenaga yang telah pun terlatih dan telah pun mengetahui keadaan-keadaan perdagangan antarabangsa ini seperti mana yang kita buat di dalam Wisma Putra. Kalau kita boleh menjadikan Wisma Putra sebagai satu 'closed department' atau 'semi-closed department', jadi kita berharap juga supaya bahagian Perdagangan Ancarabangsa ini menjadi satu department yang sungguh specialised kerana bukannya mudah untuk kita melatih pegawai-pegawai yang tahu tentang perdagangan antarabangsa, tahu tentang apa-apa yang dilakukan oleh negara-negara lain atau apa-apa rahsia perdagangan yang dibuat oleh negara-negara jiran kita, negara-negara yang bersaing dengan kita seperti mana yang telah dilakukan oleh pegawai-pegawai di Wisma Putra.

Tuan Yang di-Pertua, bersesuaian dengan negara kita untuk menjadi sebuah negara perindustrian, juga sebuah negara yang menumpukan bidang perkilangan

dan perdagangan antarabangsa, saya percaya telah pun sampai masanya bagi kita mempunyai satu pusat perdagangan (trade centre) yang sungguh moden dan sungguh sophisticated. Selama ini, kalau kita sebut tentang perdagangan antarabangsa, kalau kita pergi lihat—yang dahulunya dipanggil Jalan Raja Laut—di Wisma PKNS, kalau kita hendak bandingkan dengan negara-negara jiran kita, kita sungguh jauh ketinggalan. Barang-barang yang di-pamerkan, tempatnya dahulu cuma ruang pejabat, digunakan untuk dijadikan tempat pameran. Kalau pedagang dari luar negara datang dan diapun pernah tengok di tempat-tempat lain, mereka dapat membuat perbandingan apa yang terdapat di Malaysia dengan apa yang terdapat di negara-negara jiran kita tadi.

Sudah sampai masanya pihak kementerian ini memikirkan untuk menubuhkan satu trade centre yang lengkap dengan segala kemudahan-kemudahan bilik pameran, kemudahan pusat-pusat perdagangan yang tetap. Sekarang apa yang ada? Selalunya kita menggunakan dewan PWTC. Hari ini mungkin perdagangan ini yang ditunjukkan untuk tempoh seminggu dan besoknya pula sektor yang lain dan bulan depan pula mungkin sektor-sektor yang lain. Kita hendakkan satu bilik pameran yang lengkap, yang permanent yang dimiliki oleh kerajaan khasnya oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa yang siap dengan dewan conference, dewan seminar dan hotelnya. Kalau boleh, biarlah trade centre ini berhampiran dengan lapangan terbang kita dan juga dengan pelabuhan supaya ianya boleh menjadi satu pusat yang bukan hanya menjadi pusat di mana kita boleh mempamerkan bahan-bahan keluaran negara tetapi juga pada masa yang sama ianya juga menjadi satu pusat yang boleh digunakan untuk mengeksport barang-barang dan juga menerima barang-barang daripada luar negara.

Tuan Yangdi-Pertua, kitajugaberharap di samping kita bercakap tentang peranan yang akan dimainkan oleh pihak Kementerian Perdagangan untuk mengeksport barang-barang kita dari segi perdagangan antarabangsa, saya percaya kerajaan memang dari masa ke semasa memberikan galakan-galakan ekspon yang terkini dan juga yang boleh bersaing dengan negara-negara yang lain, tetapi pada masa yang sama kita juga ingin memastikan supaya prasarana atau infrastruktur negara kita ini boleh menampung perkembangan di sektor, perkilangan ataupun di sektor eksport negara kita. Pelabuhan-pelabuhan dan lapangan terbang kita hendaklah dipastikan supaya boleh menampung bahagian kargonya.

Baru-baru ini kita baca dalam surat khabar, boleh. dikatakan berlaku congestion yang sebegitu teruk sekali di lapangan terbang ancarabangsa kita sehinggakan Menteri terpaksa pergi dua, tiga kali secara mengejut untuk membuat lawatan. Perkara-perkara seperti ini sepatutnya dapat dilihat terlebih dahulu, dapat ditengok infrastrukturnya, kemudahan-kemudahan pelabuhan, kemudahan-kemudahan lapangan terbang, kemudahan-kemudahan pengangkutan. Diharapkan ianya dapat diselaraskan dengan pihak Kememerian Perdagangan Antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parhmen ada menyebutkan wakil-wakil daripada beberapakementerian. Sayakurangpasti sama ada wakil daripada Kementerian Luar Negeri ada duduk ataupun tidak di dalam Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar ini. Kalau tidak, saya ingin mencadangkan supaya seorang wakil daripada Kementerian Luar Negeri untuk duduk sama di dalam Perbadanan ini supaya mereka boleh memberikan pandangan-pandangan,boleh memberikan input-input untuk perbadanan ini. Mahu tak mahu kerana perdagangan luar negeri

kita berhubung rapat dengan Kementerian Luar Negeri dan saya percaya sudah kena pada masa dan tempatnya kalau seorang wakil daripada Kementerian Luar Negeri turut sama menganggotai perbadanan ini,

Tuan Yang di-Pertua, cuma itu sahaja pandangan saya dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan sesiapa lagi yang ingin berbahas. Tiada. Jadi, dengan sukacita saya menjemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab kerana tiada sesiapa lagi yang hendak berbahas.

5.50ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Datuk S.S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Rahim Baba yang telah bangun membahaskan Rang Undang-undang ini. Sebenarnya pandangan-pandangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Tuan Rahim Baba amat dihargai oleh kita dan semuanya akan membantu kita untuk kita berusaha dengan lebih gigih dan untuk meningkat lagi perdagangan antarabangsa negara kita.

Mengenai NAFTA yang telah disentuh oleh Yang Berhormat, walaupun Mexico akan menjadi satu negara yang akan memberi persaingan yang hebac, tetapi pada pandangan kita oleh kerana negara kita masih begitu baik dari segi harga kos pengeluaran barangan dan jugakualitinya, kita tidak akan menerima persaingan yang hebat daripada negara Mexico. Walau bagaimanapun, kita sedang mengambil beberapa tindakan untuk meningkatkan lagi kualiti dan juga menurunkan harga barangan-barangan kita.

. Berkaitan dengan rombongan perdagangan yang sedang dihantar ke luar negara, saya amat menghargai pandangan-pandangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat tadi, letapi hanya satu perkara sahaja yang saya ingin sentuh di sini iaitu di atas subsidi untuk rombongan-rombongan yang akan pergi keluar negeri. Saya rasa inilah satu perkara yang amat rumit dihadapi oleh kerajaan. Tetapi di atas harga dan juga kos tambahan yang dikenakan oleh rombongan yang sedang mengikuti rombongan yang diatur oleh kerajaan, saya rasa perkara ini kita boleh kaji lagi sekali untuk mengurangkan lagi harga dan juga passage yang telah dikenakan kepada semua yang sedang mengambil bahagian dalam rombongan-rombongan ini.

Pandangan di atas kemahiran pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam MATRADE ini, itu juga satu perkara yang sedang dikaji oleh kita baru-baru ini, dan kita sebenarnya sedang mengambil kakitangan dalam MATRADE, dengan mengadakan beberapa faktor yang penting untuk mereka menyumbang dengan positif kepada MATRADE kita.

Berkaitan dengan bilik-bilik pameran dan juga trade centre, kita telah menubuhkan trade centre baru di Rotterdam yang sedang berjalan dengan begitu giat dan daripada apa yang kita dapat tahu mengenai kejayaan trade centre di Rotterdam ini, kica akan menubuhkan lebih lagi trade centres di luar negeri.

Pandangan di atas infrastruktur juga iaiah satu perkara yang kita sedang kaji dengan mendalam dan semua pihak kerajaan dari segi Kementerian Kerja RayadanjugaKementerianPengangkutan dan sebagainya sedang memberi lebih tumpuan kepada menaikkan taraf infrastruktur yang ada dalam negara kita, untuk kita memberi lebih keberkesanan terhadap perdagangan luar negeri.

Cadangan Yang Berhormat untuk mengadakan satu wakil dalam MATRADE yang berasal daripada Kementerian Luar Negeri adalah satu perkara yang baik

juga, dan kita juga akan mengkaji dengan mendalam di atas perkara ini. Pada hakikatnya, Ahli-ahli Yang Berhormat, MATRADE merupakan sebuah agensi kerajaan yang ditubuhkan untuk meningkatkan dan membantu usaha pertumbuhan serta perkembangan perdagangan luar Malaysia secara menyeluruh dengan tumpuan khususnya terhadap ekspon barangan Malaysia yang mempunyai nilai tambah dan perkhidmatan. Dengan pandangan-pandangan daripada Yang Berhormat Tuan Rahim Baba ini, saya rasa kita akan bekeija dengan lebih berkesan untuk memainkan peranan yang lebih positif terhadap perdagangan luar negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, inilah jawapan-jawapan saya kepada pandangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Tuan Rahim Baba. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya ingin menyentuh di sini, kita akan bekerja dengan lebih positif untuk meningkatkan perdagangan negara kita dengan luar negeri. Sekian.terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa)*

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan:

Dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PROBET DAN PENTADBIRAN (PINDAAN) 1994

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.57ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Probet dan Pentadbiran 1959 ini merupakan pindaan susulan ekoran daripada cadangan kerajaan untuk mengkorporatisasikan Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka sebagai suatu syarikat swasta yang didaftar di bawah Akta Syarikat 1965.

Pindaan ke atas Akta Probet dan Pentadbiran 1959 dibuat adalah berbangkit dari pemansuhan Akta Pemegang Amanah Raya 1950 dan penggubalan suatu akta baru iaitu Akta Perbadanan Amanah Raya 1994. Tugas dan fungsi yang dijalankan oleh Pegawai Pentadbir Pusaka Malaysia di bawah Akta Probet dan Pentadbiran 1959 di dalam memberi perkhidmatan dalam pentadbiran harta pusaka akan dijalankan oleh sebuah perbadanan yang diwujudkan di bawah Rang Undang-undang Akta Perbadanan Amapah Raya 1994. Melalui Akta Perbadanan Amanah Raya 1994 yang dicadangkan,kuasa,tugas dan fungsi yang dijalankan oleh Pemegang Amanah Raya di bawah Akta Pemegang Amanah Raya 1950 dan yang dijalankan oleh Pegawai Peniadbir Pusaka Malaysia di bawah Akta Probet dan Pentadbiran 1959 adalah diambil alih oleh Perbadanan. Dalam erti kata lain, tugas, kuasa, fungsi Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka Malaysia yang sekarang dijalankan oleh seorang pegawai yang sama secara berasingan di bawah Akta yang berlainan, adalah dicantumkan dan

disatukan di bawah suatu Akta baru dan dijalankan oleh suatu entiti baru iaitu sebuah perbadanan.

Akta Probet dan Pentadbiran 1959 adalah sebuah akta yang diterima pakai oleh semua orang termasuk pentadbir atau wasi yang dilantik secara persendirian dan juga Pegawai Pentadbir Pusaka Malay sia yang dilantik sebagai pentadbir atau wasi di dalam Pentadbiran sesuatu harta pusaka. Pindaan yang dicadangkan bagi Akta Probet dan Pentadbirari 1959 ini adalah untuk membuat pindaan berkaitan dengan entiti Pegawai Pentadbir Pusaka Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang dipinda ini akan berkuatkuasa mengikut tarikh yang ditetapkan oleh menteri bertujuan untuk menyelaraskan pemakaian akta bagi seluruh Malaysia dengan mengambil kirapenyeragaman undang-undang dalam bidang amanah dan pentadbiran harta pusaka yang hendak dipakai di Sabah dan Sarawak.

Di dalam pindaan yang dicadangkan keatas Akta Probet dan Pentadbiran 1959 ini di dalam seksyen-seksyen berkaitan tafsiran.dan seksyen-seksyen 23, 39(i), 45,48, 49 dan 81 yang merujuk kepada Pegawai Pentadbir Pusaka Malaysia dan Pemegang Amanah Raya adalah dipinda untuk merujuk kepada perbadanan yang membawa maksud Amanah Raya Berhad iaitu sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan di bawah Akta Perbadanan Amanah Raya 1994. Oleh itu, dalam Akta Probet dan Pentadbiran 1959 yang dipinda akan tiada lagi sebutan mengenai Pegawai Pentadbir Pusaka Malaysia dan Pemegang Amanah Raya.

Akta Probet dan Pentadbiran 1959 ini juga akan dipinda dengan memotong seksyen-seksyen 46, 78, 79, 80, 82, 83, 84, 85, 87, 88, 89 dan 90(ii). Seksyen-seksyen ini adalah seksyen-seksyen yang membuat peruntukan khas kepada Pegawai Pentadbir Pusaka Malaysia yang diberi kuasa untuk menjalankan tugas, fungsi dan kuasa sebagai pentadbir dalam mentadbirkan sesuatu harta pusaka.

Semua tugas, fungsi dan kuasaPegawai Pentadbir Pusaka Malaysia di dalam seksyen yang dibatalkan ini adalah dimasukkan semula di dalam Akta Perbadanan Amanah Raya 1994 yang mana perbadanan telah diwujudkan untuk mengambil alih kesemuanya itu. Seksyen 46 yang dibatalkan adalah mengenai fee yang dikenakan telah dimasukkan ke dalatn Fasal 33 Rang Undang-undang Akta Perbadanan Amanah Raya 1994. Seksyen 78 dan 79 dalam Akta Probet dan Pentadbiran Pusaka Malaysia dan dengan pengambilalihan kuasa dan tugasnya oleh perbadanan, seksyen ini adalah dibatalkan.

Seksyen 80 adalah mengenai pengambilan harta-harta oleh Pegawai Pentadbir Pusaka Malaysia untuk penjagaan selamat sebelum pemberian suratkuasa mentadbir adalah dipindahkan kepada perbadanan.Kuasa Pegawai Pentadbir Pusaka Malaysia untuk memohon mendapatkan surat kuasa mentadbir adalah dipindahkan kepada perbadanan. Kuasa Pegawai Pentadbir Pusaka Malaysia untuk memohon mendapatkan surat kuasa mentadbir di atas kegagalan pihak yang diberi surat kuasa tersebut di bawah Seksyen 82 Akta Probet dan Pentadbiran 1959 boleh dijalankan oleh perbadanan.

KuasauntukPegawaiPentadbirPusaka Malaysia meniadbirkan harta pusaka secara terus di bawah Seksyen 83 adalah diambil alih oleh perbadanan.Kuasa Pegawai PentadbirPusaka Malaysia untuk membuat bayaran pendahuluan nafkah dan sebagainya di bawah Seksyen 84 adalah dipindahkan untuk dijalankan oleh perbadanan. Pengecualian ke atas Pegawai Pentadbir Pusaka Malaysia untuk memberi notis mengenai pembahagian harta di bawah Seksyen 85 adalah dimasukkan semula di dalarn Fasal 35.

Kuasa yang diberi kepada Menteri untuk membuat peraturan di bawah Seksyen 88 adalah diperuntukkan semula di bawah Akta Perbadanan Amanah Raya 1994.

Seksyen 87, 89 dan 92 Akta Probet dan Pentadbiran 1959 yang dipotong adalah berkenaan pemansuhan dan kecualian yang ada diperuntukkan dalam Rang Undang-undang Akta Perbadanan Amanah Raya 1994,

Pindaan ke atas seksyen 86 Akta Probet dan Pentadbiran 1959 adalah dibuat bagi membolehkan perbadanan menerima wang yang tidak dapat dilupuskan serta-merta oleh seseorang wakil diri melalui pembahagian setelah selesai pentadbiran harta pusaka seseorang yang mati berwasiat atau tidak berwasiat.

Akta Probet dan Pentadbiran 1959 adalah Akta yang dipakai oleh semua pihak yang dilantik sebagai pentadbir atau wasi dan dengan pindaan ini perbadanan boleh menerima wang dari mana-mana wakil diri untuk disimpan secara amanah dan tidak terbatas kepada penerimaan wang daripada Pegawai Pentadbir Pusaka Malaysia sahaja sebagaimana yang terdapat dalam seksyen 86 yang sedia ada.

Pindaan ke atas Akta Probet dan Pentadbiran 1959 adalah berbangkitdari pemansuhan Akta Pemegang Amanah Raya 1950 dan penggubalan Akta baru yang dicadangkan iaitu AktaPerbadanan Amanah Raya 1994.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Probet dan Pentadbiran 1959 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan.

(Tiada Perbahasan)

Timbalan Yang di-Pertua: Nampaknya tiada perbahasan dan Yang Berhormat Menteri tidak payah menjawab.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini di bacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kaii yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

(Timbaian Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa)*

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN AMANAH RAYA 1994

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.07 ptg..

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, cadangan kerajaan untuk mengkorporatkan Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka adalah selaras dengan Dasar Penswastaan Negara yang di antara lain bertujuan untuk mengurangkan saiz sektor awam, menjimatkan sumber kewangan kerajaan, meningkatkan kecekapan produkti viti secara aktiviti ala-komersial yang sekarang ini diuruskan oleh kerajaan.

Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka Malaysia adalah sebuah jabatan kerajaan yang memberi perkhidmatan dalam bidang pentadbiran dan pengurusan harta pusaka dan amanah serta menjadi pemegang amanah kepada Tabung Amanah Saham.

Kuasa untuk menjalankan perkhidmatan tersebut sekarang terkandung dalam Akta Pemegang Amanah Raya 1950 dan Akta Probet dan Pentadbiran 1959. Melalui Rang Undang-undang Perbadanan Amanah Raya 1994 ini Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka Malaysia akan dikoiporatkan di bawah Akta Syarikac 1965 dan sahamnya dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) dalam jangka masa panjang. Di bawah Akta yang dicadangkan ini juga Kementerian Undang-undang menjalankan fungsi mengawal selia perjalanan syarikat yang mengambil alih tugas dan fungsi yang dijalankan oleh jabatan.

Adalah diharapkan dan dipercayai objekuf-objektif berikut dapat dicapai dari usaha mengkorporatkan jabatan ini.

(i) meningkatkari tahap kecekapan dan produktiviti ke dalam perkhidmatan harta pusaka;

(ii) meringankan beban kewangan pentadbiran kerajaan;

(iii) merangsangkan pertumbuhan ekonomi kerana operasi sebuah entiti yang berbentuk komersil dapat menggalakkan industri berkaitan pengamanahan dan perkhidmatan pentadbiran pusaka.

Rang Undang-undang Perbadanan Amanah Raya 1994 adalah dibentangkan untuk dikuatkuasakan bagi menjalankan usaha mengkorporatkan Jabatan Pemegang Amanah Raya.

Rang Undang-undang ini akan memansuhkan keseluruhan Akta Pemegang Amanah Raya 1950.

Beberapa peruntukan di dalam Akta Probet dan Pentadbiran juga dipindabagi maksud ini.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda undang-undang berhubung dengan Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka Malaysia, untuk membuat peruntukan bagi perletakhakkan harta, hak dan liabiliti Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka Malaysia pada satu syarikat serta juga mengawal selia, perjalanan fungsi dan kuasa oleh syarikat.

Fasal 1 Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada Menteri bagi menetapkan tarikh atau tarikh-tarikh bagi mula berkuatkuasanya Akta yang dicadangkan. Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya semua atau peruntukan yang berlainan dalam Akta ini berkenaan dengan negeri atau bahagian yang berlainan di Malaysia. Ini mengambil kira beberapa aspek pemakaian Akta ini di Sabah dan Sarawak dan penyeragaman undang-undang berkaitan pusaka dan amanah di seluruh Malaysia.

Di bawah Akta yang dicadangkan ini tugas sebagai Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka Malaysia yang dijalankan secara berasingan oleh orang yang sama sekarang ini disatukan dan dijalankan oleh Perbadanan.

Fasal 3 memberi pengiktirafan stacut kepada perbadanan yang diperbadankan sebagai sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat 1965. Perbadanan ini tidaklah merupakan satu perbadanan persendirian seperti syarikat-syarikat lain yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat, kerana ia mempunyai tanggungjawab sosial yang perlu dijalankan. Ini lebih merupakan kacukan antara syarikat yang ditubuhkan di bawah statut dan syarikat persendirian. Ini adalah dikawalselia oleh sebuah statut di dalam menjalankan tugas-tugas khasnya seperti yang dipemntukkan dalam Fasal 15 hingga 21 dan di dalam menjalankan

tugas-tugas dan fungsinya yang lain, ia perlu menjalankannya sebagaimana sebuah syarikat amanah persendihan.

Objektif utama Perbadanan adalah termaktub di dalam Fasal 10 Akta yang dicadangkan ini. Objektif pertamanya adalah untuk menjadi organisasi yang menunjukkan rasa tanggungjawab sosial dengan memberikan perhatian kepada kepentingan komuniti Malaysia dan dengan berusaha untuk mengambilkira perkara-perkara ini dalam berbuat demikian.

Objektif keduanya, adalah untuk menjadi secekap syarikat amanah persendirian dan mencapai keuntungan yang setara. Ini adalah untuk mencapai tujuan sebenar mengapa jabatan ini dikorporatkan, iaitu untuk me-ncapai tahap kecekapan yang tinggi dan berupaya mendatangkan keuntungan.

Pengekalan fungsi sosial yang dijalankan oleh jabatan adalah satu aspek penting yang diperuntukkan dalam Akta yang dicadangkan ini. Secara tradisi jabatan ini adalah ditubuhkan untuk menjalankan tanggungjawab sosial.dan bukannya untuk meraih keuntungan. Tanggungjawab sosial yang dipenuhi adalah untuk mengadakan perkhidmatan pilihan kepada organisasi dalam melantik pihak yang berkecuali, bebas dari mengutamakan kepentingan sendiri dan boleh dipercayai berbanding dengan pemegang amanah dan pentadbir persendirian.

Jabatan juga diwujudkan bagi memberi perkhidmatan dalam bidang berkaitan kepada pihak yang berpendapatan rendah. Jabatan juga berperanan mengambilalih pentadbiran amanah dan harta pusaka di mana waris atau harta pesaka itu tidak diwakili ataupun menjadi terbiar tanpa ditadbirkan.

Bahagian III memberi kuasa kepada Perbadanan untuk terus mernberi perkhidmatan dalam mentadbirkan harta pusaka yang dijalankan sekarang.

Di bawah Fasal(3), Perbadanan tidak boleh enggan menerima apa-apa perlantikan semata-mata atas alasan bahawa nilai harta yang terlibat adalah kecil. Peruntukan adalah dibuat bagi memberi hak untuk merayu kepada Menteri oleh mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Perbadanan yang enggan menerima apa-apa perlantikan tersebut. Ini adalah di antara kawalan-kawalan yang dikenakan bagi memastikan setiap orang boleh mendapatkan perkhidmatan yang diberi oleh Perbadanan tanpa mengambil kira taraf hidup seseorang itu.

Kepentingan awam juga terus dipelihara di bawah Fasal 18 di mana Perbadanan perlu mentadbirkan harta pusaka yang bernilai kecil iaitu di bawah RM5,000 tanpa mengambil kira soal keuntungan.

Akta yang dicadangkan ini memberi kuasa kepada perbadanan untuk memberi perkhidmatan dalam mentadbirkan harta pusaka secara terus tanpa mendapatkan surat kuasa mentadbir daripada mahkamah.Kuasa ini merupakan kuasa secara kehakiman yang tidak diberi kepada syarikat amanah persendirian. Ini disebut dalam Fasal 17.

Bidang kuasa Perbadanan dalam mentadbirkan harta pusaka ditambah daripada nilaian RM300,000 kepada RM600,000 di bawah Fasal 17(1) dan daripada RM10,000 kepada RM50,000 dibawah Fasal 17(2).Inimen ambilkira keadaan ekonomi sekarang yang telah meningkat di mana jumlah harta yang dipunyai oleh seseorang turut sama meningkat.

Kuasa separa kehakiman yang dijalankan oleh Pemegang Amanah Raya di bawah seksyen 6 Akta Pemegang Amanah Raya 1950 dan di bawah seksyen 83 Akta Probet dan Pentadbiran 1959 telah diperuntukkan untuk diambilalih oleh Perbadanan. Di sini, isu telah ditimbulkan sama ada pengambilalihan

kuasa ini oleh Perbadanan wajar dibuat kerana dikhuatiri sebuah entiti persendirian boleh terpengaruh dengan kepentingan sendiri. Kekhuatiran yang timbul ini boleh dibendung dengan adanya kawalan-kawalan yang telah dimasukkan ke dalam Akta iaitu di bawah Fasal 37.

Penggunaan kuasa oleh Perbadanan adalah tertakluk kepada kajian semula undang-undang iaitu, dengan izin, judicial review. Kawalan juga boleh dibuat melalui arahan Menteri dan kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Fasal 39 dan 40. Juga diperuntukkan bahawa kuasa yang dijaiankan oleh perbadanan di bawah Fasal 17 hanya dijalankan di atas permohonan yang dibuat oleh pihak yang membuat tuntutan ke atas harta pusaka tersebut. Ini akan memastikan bahawa perbadanan hanya mentadbirkan harta pusaka iaitu setelah berunding dengan pihak yang berkepentingan ke atas harta pusaka itu.

Untuk memastikan perbadanan dapat berfungsi sebagai entiti komersil, beberapa peruntukan dalam Akta Pemegang Amanah Raya telah dikekalkan dengan diubahsuaikan di dalam Akta yang dicadangkan ini. Misalnya di bawah seksyan 4(4) Akta Pemegang Amanah Raya 1950, Pemegang Amanah Raya ditegah dari mentadbirkan amanah yang melibatkan pengurusan sebuahpemiagaan melainkan dengan persetujuan Menteri Kewangan untuk tempoh tidak lebih dahpada 18 bulan dengan tujuan untuk menjual, melupuskan atau meng-gulungkannya dan jika perkara-perkara ini boleh dijalankan tanpa risiko.

Harta pusaka yang tidak solven, amanah di bawah surat ikatan pengurusan bagi faedah pemiutang dan amanah yang diwujudkan melalui instrumen yang berdasarkan semata-mata untuk cagaran bagi pinjaman atau wang yang didahulukan. Tegahan-tegahan tidak dimasukkan dalam Akta yang dicadang-kan ini kerana Perbadanan yang akan beroperasi secara komersial sepatutnya boleh mentadbirkan amanah yang mempunyaiunsur-unsur pemiagaan. Risiko-risiko yang dihadapi dalam menjalankan aktiviti berbentuk pemiagaan perlulah dikawal melalui polisi-polisi yang ditetapkan dan mekanisme yang dibentuk. Tanpa tegahan-tegahan ini perbadanan adalah diletakkan atas asas yang sama dengan syarikat-syarikat amanah persendirian yang lain.

Hampirkesemua fungsi tugas dan kuasa Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka Malaysia adalah diambil alih oleh Perbadanan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tugas-tugas yang dijalankan oleh perbadanan, fee adalah dikenakan. Fee dikenakan oleh Perbadanan dengan persetujuan Menteri. Perselujuan Menteri diperlukan bagi memastikan Perbadanan tidak mengenakan fee dengan sewenang-wenangnya kerana perbadanan menjalankan tugas dari segi sosial dan fungsi statutory.

Bahagian IV Akta yang dicadangkan membuatkan peruntukan tentang aspek kewangan Perbadanan. Selepas pemerbadanan, Kumpulan Wang Bersama akan beroperasi dan berfungsi dalam bentuk yang sama seperti yang ada sekarang.

Di bawah Fasal 25 segala wang modal yang ada bagi pelaburan yang dipegang oleh Perbadanan hendaklah dilaburkan dalam pelaburan yang dibenarkan oleh undang-undang bagi pelaburan wang amanah.

Fasal 27 memperuntuk tentang faedah yang kena dibayar yang ditetapkan oleh Perbadanan dengan kelulusan Menteri di mana kadar yang ditetapkan mengambil kira pendapatan Kumpulan Wang Bersama yang boleh dibahagikan dan kemampuan Kumpulan Wang Bersama dan Kumpulan Wang Rezab Am untuk membayar.

Di bawah Akta Pemegang Amanah Raya 1950 Kumpulan Wang Yang Disatukan menjadi sumber bagi jaminan

kerajaan untuk wang di dalam Kumpulan Wang Am dan untuk menanggung tanggungan PAR.

Di bawah Fasal 28, Perbadanan adalah bertanggungan untuk membayar apa-apa tuntutan yang sah ke atas Kumpulan Wang Bersama yang dapat dibayar daripada Kumpulan Wang Bersamaatau Kumpulan Wang Rezab Am.

Fasal 29, membuat peruntukan tentang Kumpulan Wang Rezab Am. Fasal 30 sehingga 32 memberi kuasa kepada Perbadanan untuk menubuhkan Kumpulan Wang Pelaburan Kumpulan bagi memenuhi keperluan awam yang memerlukan bentuk pelaburan wang amanah yang pelbagai. Perbadanan juga perlu mendapatkan kelulusan daripada Menteri sebelum sesuatu Kumpulan Wang Pelaburan Kumpulan ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa peruntukan am juga dimasukkan dalam Akta yang dicadangkan ini dan salah satunya adalah berkenaan dengan permohonan yang boleh dibuat oleh Perbadanan ke mahkamah untuk mendapatkan arahan atas perkara-perkara berhubung dengan mana-mana fungsi atau tugas Perbadanan di ba wah Fasal 15 hingga 21. Kuasa yang dijalankan oleh Perbadanan di bawah Fasal-fasal ini j uga adalah tertakluk kepada kajian semula undang-undang, dengan izin, judicial review.

Bagi mencapai matlamat dari langkah mengkorporatkan jabatan ini perlu juga ada beberapa kawalan bersifat seliaan ke atas fungsi dan kuasa yang dijalankan oleh Perbadanan. Namun kawalan-kawalan ini tidak boleh bersifat terlalu ketat dan mesti lebih merupakan kawalan yang boleh mengimbangi keperluan untuk menjaga kepentingan awam dari segi menjalankan tanggungjawab sosialny a dan memberi kuasa otonomi kepada Perbadanan untuk mendapatkan faedah dari langkah korporatisasinya. Akta yang dicadangkan ini telahpun memperuntukkan Fasal-fasal bagi memberi kesan kepada tujuan dan matlamat ditubuhkan Perbadanan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda undang-undang berhubungan dengan Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka untuk membuat peruntukan bagi perleiakhakkan harta, hak dan liabiliti Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka pada satu syarikat, untuk menga wal selia perjalanan fungsi dan kuasa oleh syarikat dan untuk membuat peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Datuk Nazri.

6.21 ptg.

Datuk Haji Mobamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk memberi sokongan yang kuat kepada menteri serta kementeriannya yang telah raengadakan Rang Undang-undang ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana saya rasabahawa RangUndang-undangseperti ini sememangnya sudah lama kita tunggu.

Jadi, saya kira kalau untuk sesebuah badan itu menjadi Pemegang Amanah kepada harta pusaka hak orang lain, maka sudah tentu dengan melihat negara kita pun sudah membangun dan berkembang, maka tidak cukup kalau hanya harta pusaka ini dipegangnya amanah itu oleh sebuah jabatan sahaja seperti yang berlaku sebelum ini.

Jadi, sebab itu saya merasa gembira kerana ini merupakan satu usaha yang baik oleh pihak kerajaan untuk memastikan

supaya dengan adanya Perbadanan Amanah Raya ini, maka ini sudah tentu akan mengemaskinikan perjalanan pentadbiran badan Amanah Raya ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat daripada pembentangan Rang Undang-undang oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, sayakirabahawakewangan bagi Perbadanan Amanah Raya ini ialah berasaskan kepada fee yang akan dikenakan kepada harta yang ditadbirkan oleh Perbadanan ini. Saya tidak nampak dalam Rang Undang-undang ini yang menyatakan bahawa kerajaan akan memperuntukkan peruntukan kewangan tahunan kepada Perbadanan ini dan saya rasa adalah, dengan izin, safe for me to assume that the govemment intends, mengharapkan bahawa Perbadanan ini akan dibiay ai oleh fee yang akan dikenakan seperti yang telah disebut di dalam perkara 33 iaitu fee yang dikenakan oleh Perbadanan.

Maka Yang Berhormat Menteri juga sebut sebentar tadi, yang jelas menunjukkan bahawa pembiayaan Perbadanan ini hanya kepada fee yang akan dikenakan apabila dia menyebut bahawa Perbadanan ini akan dijalankan secara komersial iaitu Perbadanan ini di incorporated'kan sebagai sebuah syarikat dan perjalanannya itu berasaskan kepada komersial. Jadi, ini jelas menunjukkan bahawa sememangnya Perbadanan ini akan bergantung kewangannya kepada fee yang akan dicaj dan di mana pentadbiran itu adalah ala-komersial.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bahawa kalau sumber kewangannya itu hanya diasaskan kepada fee yang akan dikenakan, maka saya rasa bahawa Perbadanan Amanah Raya ini sudah tentu memerlukan kepada nasihat-nasihat daripada mereka yang berpengalaman di dalam melaburkan wang amanah yang disimpan oleh Perbadanan ini. Oleh kerana Perbadanan ini saya kira di mana sahamnya itu dipegang khusus oleh Kementerian Kewangan, bermakna Perbadanan ini ialah Perbadanan yang dipunyai oleh kerajaan dan sudah tentulah pegawai-pegawainya merupakan pegawai-pegawai kerajaan. Apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah bahawa dalam pengalaman saya mernbahas usul-usul di mana beberapa jabatan kerajaan telah dikorporatisasikan, kita lihat di dalam rang undang-undang iLu, telah dicadangkan supaya diadakan satu management board ataupun majlis pengurusan sebagai contoh beberapa jabatan sebelum ini yang telah diperbadankan, maka tiap-tiap kali diperbadankan, tiap-tiap kalilah akan dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini berkenaan dengan satu majlis pengurusan yang di mana ahlinya itu telah pun disenaraikan terdih dari mereka yang telah ditentukan oleh Rang Undang-undang itu.

Tetapi apa yang say alihat di sini bahawa dalam Rang Undang-undang ini, mungkin saya tidak tahu, mungkin ada di tempat lain tetapi dla tidak menyarankan supaya diwujudkan satu majlis pengurusan iaitu the management board. Perbadanan ini benanggungjawab untuk mentadbir wang amanah dan oleh kerana sumber kewangannya itu merupakan datang daripada fee yang akan dikenakan dan ianyaakandijalankan mengikut komersil, maka sudah tentu ia memerlukan kepada satu jawatan majlispengurusan yang akan terdiri daripada mereka yang mempunyai pengalaman di dalam bidang-bidang untuk melabur wang-wang yang menjadi amanah.

Jadi, saya tidak nampak di sini dicadangkan untuk diadakan satu majlis pengurusan seperti mana yang ada di dalam rang undang-undang lain di mana sesuatu badan itu hendak dikorporatisasikan. Sekurang-kurangnya kadang-kalakitatengokbahawaadadalam rang undang-undang itu yang menyebut bahawa ada terdiri majlis ini di mana pengerusinya ialah Menteri Kewangan, sebagai contoh, tetapi di sini tidak ada.

Jadi, persoalan saya kepada kementerian ialah siapakah yang akan mentadbir Perbadanan ini? Sebab saya kira kalau Perbadanan itu terlibat dengan kewangan kepunyaan orang ramai, maka sayakira sebagai rakyat, kita berhak untuk mengetahui siapakah yang akan mentadbir wangini?Sebagai contoh,kitakatabahawa di sini diwujudkan satu majlis yang terdiri daripada 11 orang di mana pengerusinya itu ialah Menteri Kewangan dan 2 daripada Treasurykah dan 2 dari pihak swastakah, yang akan mentadbirkan ataupun menjadi majlis pengurusan kepada Perbadanan Amanah Raya ini.

Jadi, saya membangkitkan perkara ini kerana saya ingin tahu sebenarnya siapakah yang akan dipertanggungjawabkan untuk mentadbirkan wang amanah ini, apatah lagi apabila kita lihat kementerian telah menyatakan bahawa Perbadanan ini akan dijalankan secara komersial, pertama dan keduanya, kewangan Perbadanan ini banyak bergantung kepada si yang akan dicaj? Jadi, ini persoalan saya, sebab pengalaman kita saya kira di kalangan ahli-ahli...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Nazri, saya ingat saya benarkan Datuk sambung pada hari Isnin, selepas perbahasan Belanjawan pada hari Isnin.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang pada hari Isnin akan datang,

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

PNMB.. K L